

BAB 6

PEMBAHASAN

6.1 Sistem Penamaan Tapak Arkeologi Di Lembah Bujang

Istilah “Lembah Bujang” tidak dapat diambilkira sebagai istilah yang bersifat geografi. Hal ini disebabkan ianya tidak hanya merujuk kepada tapak arkeologi yang terdapat di tebing Sungai Bujang sahaja. Sebenarnya istilah “Lembah Bujang”¹ lebih merupakan istilah yang bersifat *generic*, iaitu menyebut sesuatu secara umum. Sehubungan dengan itu istilah “Lembah Bujang” yang digunakan di dalam Bab ini lebih merujuk kepada kawasan yang mengandungi tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah yang mempunyai unsur Hindu atau Buddha yang telah ditemui di Kedah dan Seberang Prai. Pengkaji terdahulu tidak menggunakan istilah “Lembah Bujang” secara **khusus**. Mereka hanya merujuk kepada tapak yang dikaji sebagai tapak Kedah... (nombor diberikan) atau tapak di... (nama kampung, nama estet diberikan). Walau bagaimanapun pengkaji-pengkaji terdahulu telah menghuraikan kerja lapangan arkeologi mereka sebagai penyelidikan yang dilakukan di Kedah,² penyelidikan di Kedah Selatan³ atau di Kedah Tengah⁴ dan di Kedah Tenggara.⁵ Berdasarkan kepada hal di atas adalah jelas pengkaji-pengkaji terdahulu telah menggunakan pendekatan nama tempat kajian mereka untuk merujuk kepada lokasi geografi.

¹ Sungai Bujang adalah salah satu daripada anak sungai yang terdapat di Lembah Bujang. Sungai lainnya adalah Sungai Merbok dan Sungai Muda. Ketiga-tiga sungai ini mengalir ke Selat Melaka.

² Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 1 - 85 dan Dorothy dan Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 1 - 11.

³ Evans, “Result of an expedition to Kedah... ” hlm. 74 - 82.

⁴ Lamb, “Miscellaneous papers... ” hlm. 10 dan 19.

⁵ Sullivan, *op.cit.*, hlm. 188 - 219.

Istilah “ Lembah Bujang ” mula digunakan secara meluas semenjak tahun 1980⁶ sehingga Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara membataskannya meliputi keluasan sekitar 144 batu persegi dengan pembatasan Bukit Choras di bahagian utara, batasan Sungai Muda di selatan, Selat Melaka di bahagian timur dan lebuhraya utara selatan di bahagian barat.⁷ Sehubungan dengan hal tersebut Nik Hassan Shuhaimi telah membahagikan wilayah Lembah Bujang berdasarkan kepada perkembangan budaya yang wujud di Lembah Bujang itu sendiri. Pertamanya adalah wilayah Sungai Muda (Lembah Sungai Muda) yang berkembang sekitar abad 6 sehingga abad ke 9 M dan seterusnya wilayah Sungai Bujang (Lembah Bujang) yang termasuk tapak-tapak di tebing Sungai Merbok Kecil telah berkembang sekitar abad ke 10 sehingga abad ke 14 M.⁸

Untuk ruang lingkup wilayah yang dimaksud sebagai “ Lembah Bujang ”, penulis membahagikannya kepada dua kategori utama iaitu pertamanya adalah kawasan muara Sungai Muda di mana ianya merangkumi peninggalan tapak arkeologi / Tapak Tanah Sejarah di sepanjang Sungai Muda dan Sungai Trus dan keduanya adalah muara Sungai Merbok yang merangkumi tapak arkeologi / Tapak Tanah Sejarah di sepanjang Sungai Merbok Kecil dan juga Sungai Bujang. Perkembangan terbaru berhubung pembahagian Lembah Bujang secara lebih sistematik telah mula disusun kembali oleh Michel Jacq-Hergoualc'h sekitar tahun 1985 . Walau bagaimanapun wilayah ini dikenali oleh beliau sebagai Kedah Selatan.

⁶ Penggunaan “ Lembah Bujang ” mula dikenali semenjak diterbitkan buku berjudul *Lembah Bujang* oleh Persatuan Sejarah Malaysia pada tahun 1980. Seterusnya telah diterbitkan sebuah buku lagi dengan judul *Antiquities of the Bujang Valley* yang telah ditulis oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd Yatim pada tahun 1990. Buku ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia dengan judul *Warisan Lembah Bujang* yang telah diterbitkan pada tahun 1992. Selain daripada itu sebuah site museum telah dirikan di Lembah Bujang dan dikenali dengan nama Muzium Arkeologi Lembah Bujang .

⁷ Adi Bin Haji Taha, “ Perkembangan sejarah awal Negeri Kedah berdasarkan penemuan bahan-bahan arkeologi “ dalam *Dokumentasi konvensyen sejarah Negeri Kedah Darul Aman*, Lembaga Muzium Negeri Kedah : Alor Setar, 1991, hlm. 20.

⁸ Nik Hassan Shuhaimi , *Art, archaeology and the early kingdoms in the Malay Peninsula and Sumatra : c.400-1400 A.D.*, Ph.d Thesis, School of Oriental and African Studies, University of London , 1984. hlm. 237 - 238 .

Beberapa **r**ombakan telah turut dilakukan oleh Michel berhubung pembahagian wilayah **L**embah Bujang serta penamaan kembali beberapa nama tempat yang telah dilakukan oleh Quaritch-Wales.⁹ Michel Jacq-Hergoualc'h membahagikan wilayah Lembah **B**ujang berdasarkan nama sungai yang berhampiran dengan tapak-tapak yang **berkenaan**, iaitu Sungai Muda, Sungai Merbok Kecil dan juga Sungai Bujang. Berhubung dengan pendapat beliau keseluruhan tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah **y**ang terdapat di Lembah Bujang telah diubahsuai berdasarkan peranan sungai di mana sesuatu tapak berkenaan telah ditemui. Penamaan kembali tapak arkeologi / **T**apak Tanah Bersejarah mengikut pendapat Michel Jacq-Hergoualc'h adalah seperti berikut :

Sungai Muda

- a) Tapak **25** dikenali sebagai Tapak Sungai Muda / Merbok 1
- b) Tapak **26** dikenali sebagai Tapak Sungai Muda / Merbok 2
- c) Tapak **35/36** dikenali sebagai Tapak Sungai Muda / Merbok 3
- d) Tapak **33** dikenali sebagai Tapak Sungai Muda / Merbok 4
- e) Tapak **32** dikenali sebagai Tapak Sungai Muda / Merbok 5
- f) Tapak **31** dikenali sebagai Tapak Sungai Muda / Merbok 7
- g) Tapak **37** dikenali sebagai Tapak Sungai Muda / Merbok 8
- h) Tapak **39** dikenali sebagai Tapak Sungai Muda / Merbok 9
- i) Tapak **38** dikenali sebagai Tapak Sungai Muda / Merbok 10
- j) Tapak **40** dikenali sebagai Tapak Sungai Muda / Merbok 12¹⁰

Sungai Bujang

⁹ Quaritch-Wales lebih cenderung mengutamakan nombor berdasarkan kepada urutan tapak yang dimasuki untuk tujuan penyelidikan sebagai contohnya tapak 4, 5 dan 11/3 merupakan tapak yang diberikan **nombor** oleh Quaritch-Wales di Sungai Batu sementara tapak 8 di Bukit Batu Pahat dan tapak 19, 21 dan 22 merupakan tapak yang terdapat di Kampung Pengkalan Bujang. Sementara Michel lebih cenderung menurutkan nama sesuatu lokasi berdasarkan kepada nama sungai yang mengairinya, sebagai contoh tapak 4, 5 dan 11/3 dikenali sebagai SB 8, SB 10 dan SB 13 (SB merupakan singkatan untuk nama **Sungai Bujang**)

¹⁰ Michel Jacq - **H**ergoualc'h, *op.cit.*, hlm. 27 - 29.

Pembahagian peninggalan yang terdapat di sepanjang Sungai Bujang, Michel Jacq-Hergoualc'h telah membahagikannya kepada dua kategori iaitu peringkat Sungai Bujang dan **Keduanya** adalah peringkat Pengkalan Bujang.

Peringkat Sungai Bujang

- a) Tapak 1 **7** dikenali sebagai Tapak Sungai Bujang 1
- b) Tapak 2 **dikenali** sebagai Tapak Sungai Bujang 2
- c) Tapak **16** A dikenali sebagai Tapak Sungai Bujang 3
- d) Tapak **10** O dikenali sebagai Tapak Sungai Bujang 14
- e) Tapak 1 **dikenali** sebagai Tapak Utara Bujang 2
- f) Tapak **14** dikenali sebagai Tapak Sungai Bujang 5
- g) Tapak **15** dikenali sebagai Tapak Sungai Bujang 6
- h) Tapak **50** O dikenali sebagai Tapak Sungai Bujang 7
- i) Tapak **5** **dikenali** sebagai Tapak Sungai Bujang 8
- j) Tapak 6 **dikenali** sebagai Tapak Sungai Bujang 9
- k) Tapak **11/3** dikenali sebagai dikenali sebagai Tapak Sungai Bujang 10
- l) Tapak **13** dikenali sebagai Tapak Sungai Bujang 12
- m) Tapak **4** **dikenali** sebagai Tapak Sungai Bujang 13
- n) Tapak **12** **dikenali** sebagai Tapak Sungai Bujang 11
- o) Tapak **9** **dikenali** sebagai Tapak utara Sungai Bujang 1¹¹

Peringkat Pengkalan Bujang

- a) Tapak **21** **dikenali** sebagai Tapak Pengkalan Bujang 4
- b) Tapak **22** **dikenali** sebagai Tapak Pengkalan Bujang 5
- c) Tapak **19** **dikenali** sebagai Tapak Pengkalan Bujang 2
- d) Tapak **18** **dikenali** sebagai Tapak Pengkalan Bujang 1
- e) Tapak **20** **dikenali** sebagai Tapak Pengkalan Bujang 3
- f) Tapak **23** **dikenali** sebagai Tapak Pengkalan Bujang 6¹²

Sungai Merbok Kecil

- a) Tapak **48** **dikenali** sebagai Tapak Sungai Merbok Kecil 2
- b) Tapak **7** **dikenali** sebagai Tapak Sungai Merbok Kecil 4

¹¹ *Ibid.*, hlm. 24 – 26.

¹² *Ibid.*, hlm. 23 – 24 .

c) Tapak 8 dikenali sebagai Tapak Sungai Merbok Kecil 1¹³

Walaupun bagaimanapun kepada pembahagian yang telah dilakukan oleh Michel Jacq-Hergoualc'h didapati boleh mengelirukan kepada pembaca dan juga kepada penyelidik kemudiaanya. Walaupun didapati ianya bertujuan untuk memberikan pemisahan antara setiap daripada tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah yang terdapat di Lembah Bujang ianya boleh menimbulkan kekeliruan berdasarkan keadaan geografi Lembah Bujang yang mengandungi tiga sungai utama disamping menyulitkan kepada pembaca ataupun penyelidik yang pertama kali meninjau Lembah Bujang. Berdasarkan kepada data penamaan tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah yang terkumpul bermula daripada Quaritch-Wales sehingga Michel Jacq-Hergoualc'h, penulis lebih cenderung untuk memisahkan penamaan lokasi tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah dengan mengekalkan sistem penomboran yang telah ditetapkan oleh Quaritch-Wales bersamaan dengan nama tempat lokasi penemuannya disamping menambah dengan nama peranan sungai yang berhampiran.

Lanjutan daripada kupasan yang telah dinyatakan di atas penulis memikirkan adalah wajar lokasi setiap penemuan tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah tersebut diberikan penjelasan setepat mungkin agar memudahkan penyelidik mengenali tapak berkenaan tanpa merujuk kepada penulisan lainnya sekiranya terdapat berlainan sistem penomboran. Kesulitan yang dilihat oleh penulis sekiranya tiada sebarang sistem penomboran lokasi akan menjadikan nombor sesuatu tapak tersebut saling bertindih di antara satu sama lain sehingga secara tidak langsung ianya akan menyimpang siurkan lagi pemikiran pembaca. Keadaan ini ditambah lagi dengan jumlah tapak arkeologi di Lembah Bujang sehingga kini berjumlah sekitar 37 buah tapak dan kemungkinan ianya akan terus bertambah. Dengan angka yang sedemikian banyak haruslah diubahsuai kembali berhubung dengan sistem penamaan sebuah lokasi di Lembah Bujang.

¹³ Ibid., hlm. 27.

Untuk memudahkan pemahaman pembaca berhubung dengan wilayah Lembah Bujang yang pernah diteliti dan akan diselidiki haruslah mengabungkan di antara sistem penomboran yang telah digunakan oleh Dr. Quaritch-Wales dan dinyatakan dengan nama lokasinya disamping ditambah dengan nama sungai yang memainkan peranan bersamaan dengan kewujudan budaya setempat. Rujukan sebegini difikirkan perlu memandangkan pembaca yang pertama kali mengamati berhubungan dengan sejarah dan kebudayaan Lembah Bujang akan dapat merujuk lokasi yang dimaksudkan berdasarkan kepada beberapa kategori yang telah tercatat pada sistem penomboran yang dicadangkan. Sebagai contohnya Tapak 8 akan menggunakan pengenalan Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil). Berdasarkan kepada catatan yang ada seseorang pembaca / penyelidik akan merujuk nama Sungai Merbok Kecil dan akan mencari Tapak 8 kerana ianya berada di sepanjang sungai berkenaan.

Penulis memikirkan hal ini perlu dihubungkaitkan dengan peranan sungai memandang hampir keseluruhan daripada lokasi tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah yang terdapat di Lembah Bujang berada di sepanjang aliran sungai utama iaitu Sungai Muda, Sungai Merbok Kecil dan juga Sungai Bujang. Berdasarkan kepada huraiian di atas penamaan tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah di Lembah Bujang adalah seperti berikut :

Sungai Muda

- a) Tapak 25 dicadangkan sebagai Tapak 25 (Bukit Penjara / Sungai Muda)
- b) Tapak 26 dicadangkan sebagai Tapak 26 (Bukit Meriam / Sungai Muda)
- c) Tapak 35/36 dicadangkan sebagai Tapak 35/36 (Kampung Pengkalan Batu Lintang / Sungai Trus)
- d) Tapak 33 dicadangkan sebagai Tapak 33 (Kampung Sungai Mas / Sungai Muda)
- e) Tapak 32 dicadangkan sebagai Tapak 32 (Kampung Sungai Mas / Sungai Muda)
- f) Tapak 31 dicadangkan sebagai Tapak 31 (Kampung Permatang Pasir / Sungai Muda)

g) Tapak 37 dicadangkan sebagai Tapak 37

Sungai Bujang

- a) Tapak 17 dicadangkan sebagai Tapak 17 (Bukit Pendiat / Sungai Bujang)
- b) Tapak 2 dicadangkan sebagai Tapak 2 (Kampung Permatang Nanas / Sungai Baharu bertemu Sungai Bujang)
- c) Tapak 16 dicadangkan sebagai Tapak 16 (Kampung Pendiat / Sungai Bujang)
- d) Tapak 10 dicadangkan sebagai Tapak 10 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang)
- e) Tapak 1 dicadangkan sebagai Tapak 1 (Bukit Choras / Sungai Bujang)
- f) Tapak 14 dicadangkan sebagai Tapak 14 (Kampung Bujang / Sungai Bujang)
- g) Tapak 15 dicadangkan sebagai Tapak 15 (Kampung Bujang Dara / Sungai Bujang)
- h) Tapak 50 dicadangkan sebagai Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang)
- i) Tapak 5 dicadangkan sebagai Tapak 5 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang)
- j) Tapak 6 dicadangkan sebagai Tapak 6 (Sungai Bujang)
- k) Tapak 11/3 dicadangkan sebagai Tapak 11/3 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang)
- l) Tapak 13 dicadangkan sebagai Tapak 13 (Sungai Bujang)
- m) Tapak 4 dicadangkan sebagai Tapak 4 (Sungai Bujang)
- n) Tapak 12 dicadangkan sebagai Tapak 12 (Sungai Bujang)
- o) Tapak 9 dicadangkan sebagai Tapak 9 (Gunung Jerai / Sungai Bujang)
- p) Tapak 21 dicadangkan sebagai Tapak 21 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang)
- q) Tapak 22 dicadangkan sebagai Tapak 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang)
- r) Tapak 23 dicadangkan sebagai Tapak 23 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang)
- s) Tapak 19 dicadangkan sebagai Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang)
- t) Tapak 18 dicadangkan sebagai Tapak 18 (Sungai Bujang)

Sungai Merbok Kecil

- a) Tapak 48 dicadangkan sebagai Tapak 48 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil)
- b) Tapak 49 dicadangkan sebagai Tapak 49 (Telaga Sembilan / Sungai Merbok Kecil)
- c) Tapak 7 dicadangkan sebagai Tapak 7 (Bukit Gajah Mati / Sungai Merbok Kecil)
- d) Tapak 8 dicadangkan sebagai Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil)

Pengubahsuaian yang dimaksudkan masih mengekalkan sistem penomboran yang telah diberikan oleh Quaritch-Wales kerana ianya telah sebat dan lebih banyak menjadi rujukan kepada penyelidik yang melakukan penyelidikan di Lembah Bujang. Sehubungan dengan hal tersebut sistem penomboran yang diberikan oleh Michel disikirkan kurang sesuai kerana sebagaimana yang telah dijelaskan di atas ianya akan menimbulkan kekeliruan, di mana seseorang terpaksa merujuk nombor yang diberikan oleh Michel untuk dibandingkan dengan sistem penomboran yang diberikan oleh Quaritch-Wales.¹⁴

Berdasarkan kepada keadaan tersebut maka penulis memikirkan kaedah pergabungan di antara sistem penomboran, nama tempat tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah dan juga lokasi sungai yang berhampiran dengan tapak harus digabungkan agar memudahkan pembaca melakukan rujukan dengan cepat dan mudah mengesan lokasi tapak yang ingin dikaji berdasarkan kemudahan nombor, nama lokasi dan juga nama sungai yang tercatat. Tumpuan kajian hanya akan dilakukan akan bertumpu kepada Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil), Tapak 21 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang), Tapak 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang), Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang), Tapak 5 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang), Tapak 11/3 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang), Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang), Tapak 16 (Kampung Pendiat / Sungai Bujang), Tapak 17 (Bukit Pendiat / Sungai Bujang) dan Tapak 31 (Kampung Permatang Pasir / Sungai Muda). Tumpuan terhadap tapak yang telah dinyatakan di atas adalah berkaitan dengan peninggalan candi serta artifak yang berkaitan dengan pengaruh Hindu-Buddha di Lembah Bujang.

¹⁴ Di dalam menamakan sesuatu tapak galicari / penyelidikan arkeologi terdapat tiga kaedah yang lazimnya digunakan untuk menentukan nama sesebuah tapak iaitu pertama berdasarkan narña lokasi penemuan tapak tersebut sama ada menamakannya dengan nama sesebuah kampung. Keduanya adalah dengan meletakkan lokasi tapak galicari / penyelidikan arkeologi dengan sistem nombor dan ketiganya adalah menamakan lokasi galicari / penyelidikan arkeologi dengan nama penyelidik yang telah menemukannya.

6.2 Kedatangan Pengaruh Hindu-Buddha Di Lembah Bujang

Tidak dapat dinasikan bahawa faktor utama yang menyebabkan kedatangan pengaruh Hindu-Buddha ke wilayah Lembah Bujang adalah disebabkan oleh unsur perdagangan. Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya Lembah Bujang (Kedah Tua) yang terletak di bahagian utara Selat Melaka amat strategik untuk para pedagang maritim singgah sebelum meneruskan perjalanan. Keadaan geografi Lembah Bujang yang bergunung-ganang (Gunung Jerai) di samping menjadi panduan kapal pedagang untuk masuk belayar juga menurut pendapat Quaritch-Wales adalah sesuai untuk penempatan dan juga sebagai tujuan keagamaan.

"Kedah combined the practical advantage of an excellent anchorage (the estuary of the Merbok) with the spiritual attraction of being dominated by a high mountain (Kedah Peak), which to the superstitious Indian sailors must have appeared to be a veritable home of the gods"¹⁵

Quaritch-Wales juga berpendapat mengapa di muara Sungai Merbok tiada dijumpai peninggalan yang dapat dihubungkaitkan dengan penempatan awal Hindu-Buddha adalah disebabkan terdedahnya muara tersebut kepada arus pantai dan secara tidak langsung kawasan pedalaman di sepanjang Sungai Merbok Kecil menjadi pilihan di sebabkan terdapatnya air terjun di kawasan Bukit Batu Pahat di mana terdirinya Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil). Peranan air terjun ini juga dapat dihubungkaitkan dengan “air kehidupan” dan juga dapat diertikan sebagai perlambangan air Sungai Gangga yang mengalir daripada surga. Quaritch-Wales berpendapat candi yang telah ditemui di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) merupakan unsur yang dibawa secara langsung daripada India dan golongan masyarakat India yang menetap di sekitar Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) kemudiaannya menyebarkan kepercayaan dan juga budaya kepada masyarakat sekitar.

¹⁵ Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 1.

Michael Sullivan berpendapat penempatan awal di Lembah Bujang adalah di sekitar Sungai Bujang dan ianya adalah diasaskan oleh para pedagang. Apabila berlaku penurunan aras sungai maka kawasan penempatan semakin berundur ke kawasan pedalaman.

*"The first Indian trading settlement seems to have been built on the upper reaches of the river Bujang, a tributary of the Merbok "*¹⁶

Wheatley juga berpendapat penempatan awal dan juga penyebaran pengaruh daripada India Selatan juga dipengaruhi oleh golongan pedagang yang telah menempati di sekitar tiga kawasan tanah tinggi iaitu Gunung Jerai, Bukit Penjara dan juga Bukit Batu Lintang (sewaktu mula didatangi oleh para pedagang merupakan kawasan yang masih dilinangi oleh air).¹⁷

I.H.N. Evans pula berpendapat di kawasan sekitar Sungai Batu yang juga berada di Lembah Bujang dan berhampiran dengan Sungai Bujang adalah diasaskan oleh para pedagang asing yang berasal daripada India dan bukan penduduk tempatan.¹⁸ Sehingga kini masih dapat dikesan peninggalan candi yang berkaitan dengan ajaran Hindu di sekitar Sungai Batu seperti Candi Tapak 5 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang) dan Candi Tapak 11/3 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang). Michel Jacq-Hergoualc'h berpendapat pengaruh India dan juga perkembangan Hindu-Buddha di Kedah Selatan telah disebarluaskan oleh para pedagang dengan keizinan dari pada para penguasa tempatan.

*"The Indians may have been the only ones who entered the fringe of this impenetrable domain to construct their temples. They could do so only with the assent of the Malay chiefs who ruled the coastal communities "*¹⁹

¹⁶ Sullivan, *op. cit.*, hlm. 188.

¹⁷ Wheatley, *op. cit.*, hlm. 275.

¹⁸ Evans, *op.cit.*, hlm. 78.

¹⁹ Michel Jacq-Hergoualc'h, *La civilisation de ports-entrepot du sud Kedah (Malaysia) Ve-XIV Siecle* (Ringkasan dalam bahasa Inggeris), Paris : L' Harmattan, 1992.

Menurut Michel Jacq-Hergoualc'h candi-candi yang telah dibina di Lembah Bujang telah dibina oleh pedagang-pedagang India. Sehubungan dengan hal tersebut candi yang terdapat di Lembah Bujang merupakan binaan yang kecil serta menggunakan material yang mudah diperolehi / murah.

*"... temple (were) ... edifices financed by Indian traders anxious to-ingratiate themselves with the gods. They are, as we have seen, small buildings built cheaply with material which were immediately available in the surroundings."*²⁰

Berdasarkan kepada pendapat di kalangan para sarjana di atas, peninggalan-peninggalan Hindu dan Buddha yang ditemui di Lembah Bujang adalah diakibatkan oleh kemasukan melalui arus perdagangan. Di antara pendapat yang paling *extreme* adalah daripada Quaritch-Wales.²¹ Beliau berpendapat penemuan-penemuan arkeologi di Kedah yang telah dilakukan oleh beliau di antara tahun 1936-1937 menganggap bahawa Kedah (Lembah Bujang) merupakan contoh yang paling ketara berlakunya proses Indianisasi di rantau Asia Tenggara. Menurut beliau peninggalan-peninggalan Hindu-Buddha yang begitu banyak ditemui di Kedah adalah bukti yang menunjukkan bahawa penempatan yang terdapat di kawasan ini adalah sebuah koloni India. Beliau juga berpendapat bahawa pengaruh Hindu-Buddha dikatakan telah diperkenalkan di Kedah secara langsung dari India Selatan terutamanya pengaruh Hindu Pallava.

Pendapat Quaritch-Wales kemudiannya telah dikritik oleh Alastair Lamb.²² Berdasarkan kajian Lamb di Kedah, terutamanya di Tapak 8 dan di kawasan sekitar

²⁰ *Ibid.*, hlm. 7 .

²¹ Quaritch-Wales juga berpendapat bahawa secara keseluruhannya pengaruh Hindu-Buddha ke utara Semenanjung Malaysia telah datang dalam empat gelombang, Lihat Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 67 - 74.

²² Lihat Lamb, *Chandi Bukit Batu Pahat...* *op.cit.*, hlm. 91 - 108, "Miscellaneous papers... *op.cit.*", hlm. 9, 16, 39- 47 dan "The Kedah casket a review of its contents", dalam *Lembah Bujang*, *op.cit.*, hlm. 55 - 60.

Kampung Pengkalan Bujang dan Permatang Pasir, Lamb telah menolak hipotesis Quaritch-Wales yang melihat semua peninggalan Hindu-Buddha yang ditemui di Kedah (Lembah Bujang) sebagai unsur-unsur yang telah dibawa secara langsung dari India Selatan dan diterima (atau diamalkan) dengan sepenuhnya. Lamb juga berpendapat Kedah (Lembah Bujang) bukanlah sebuah jajahan India Pallava seperti mana yang pernah diandaikan oleh Quaritch-Wales. Menurut Lamb, terdapat banyak ciri-ciri tempatan yang menunjukkan bahawa sebenarnya candi-candi Hindu-Buddha yang terdapat di Kedah (Lembah Bujang) lebih merupakan satu campuran seni bina tempatan dengan unsur-unsur dari India. Perkara ini telah dibuktikan dengan penemuan atas pelapik tiang pada candi-candi di Lembah Bujang, disamping penggunaan relikuari batu di Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil). Pada hemat Lamb, kesemua unsur-unsur ini adalah berpengaruh tempatan dan terdapat juga di Sumatera dan Jawa.

Pelan-pelan candi yang terdapat di Kedah (Lembah Bujang) seperti di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) dan Tapak 31 (Permatang Pasir / Sungai Muda) lebih merupakan / menyamai pelan candi seperti yang terdapat di Padang Lawas, Sumatera. Jadi pengaruh kebudayaan Hindu-Buddha mungkin telah diperkenalkan dari kawasan berhampiran dan bukan kesemuanya daripada India Selatan. Pada masa tersebut Kedah (Lembah Bujang) telah menjadi sebuah pusat perdagangan dan pelabuhan terkemuka di rantau Asia Tenggara dan secara tidak langsung ianya telah dikunjungi oleh para pedagang dari Timur , Barat (Timur Tengah) dan kawasan daripada rantau Asia Tenggara sendiri. Pelabuhan yang sering digunakan adalah Pengkalan Bujang. Kajian Lamb juga telah membuktikan bahawa peranan yang dimainkan oleh Pengkalan Bujang lebih merupakan sebagai sebuah *entrepot*.²³ Mengenai Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil), Lamb telah berpendapat bahawa candi ini bukanlah sebuah candi Hindu, tetapi adalah sebuah candi di mana pemujaan Tantrik diamalkan dan kemungkinan abu jenazah raja / pembesar tempatan disimpan seperti mana yang terdapat di Jawa.

²³ Lamb, "Miscellaneous papers..." hlm. 21-37 dan "Pengkalan Bujang an ancient port . . ." hlm. 79- 81

Proses Indianisasi sebenarnya berhubungan dengan penyerapan dan juga penyebaran pengaruh India di kalangan masyarakat setempat. Sebahagian besar para sarjana yang pernah mengkaji mengenai proses Indianisasi di Asia Tenggara cuma melihat dan meninjau dari satu perspektif sahaja. Mereka juga berpendapat bahawa Indianisasi mungkin berlaku melalui tiga proses, iaitu melalui penaklukan, melalui perdagangan dan melalui perkahwinan campur.²⁴ Selain daripada itu kebanyakan para sarjana kecuali Lamb menganggap bahawa pengaruh Hindu-Buddha yang dibawa ke beberapa tempat di Asia Tenggara datangnya secara langsung daripada India. Lamb sebaliknya berpendapat pengaruh Hindu-Buddha yang telah dikesan di beberapa tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah di Kedah (Lembah Bujang) mungkin telah dibawa masuk akibat daripada konteks perdagangan di antara Lembah Bujang dengan kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara, umpamanya dari Sumatera atau Jawa atau dengan Tanah Besar Asia Tenggara lainnya yang pada waktu itu telah mengalami proses Indianisasi .

Para sarjana lebih cenderung menyatakan pengaruh India yang diserap di Lembah Bujang adalah berkaitan rapat dengan pengaruh India murni dan ianya disebabkan oleh golongan pedagang India. Walau bagaimanapun penulis lebih cenderung pada pendapat Lamb (walaupun bukan semua pentafsirannya terhadap peninggalan-peninggalan Hindu-Buddha di Lembah Bujang yang dikemukakan oleh Lamb adalah tepat).²⁵ Penulis berpendapat bahawa pengaruh Hindu-Buddha yang terdapat di Kedah (Lembah Bujang) adalah disebabkan oleh proses adaptasi dan juga proses akulturasi. Sehubungan dengan hal tersebut tidak bermakna keseluruhan pengaruh daripada India diserap secara sepenuhnya oleh masyarakat pribumi tetapi telah disesuaikan dengan budaya tempatan . Secara tidak langsung budaya tempatan telah bertindak sebagai penapis terhadap kemasukan pengaruh daripada India.

²⁴ Lihat D.G.E Hall, *A history of South--east Asia*, London : Macmillan, 1964, hlm. 17 - 22.

²⁵ Penulis bersetuju dengan pendapat Lamb yang menyatakan terdapat pengaruh tempatan di dalam amalan Hindu-Buddha di Lembah Bujang tetapi penulis kurang bersetuju dengan pendapat beliau bahawa pengaruh ini tidak datang secara langsung daripada India.

Berdasarkan kepada sumber bertulis kita dapat melihat serba sedikit mengenai budaya tempatan yang terdapat di Kedah (Lembah Bujang) pada waktu tersebut. Adalah jelas bahawa kawasan Lembah Bujang ketika itu bukan cuma sebuah “*cultural vacuum* ”. Sebenarnya Lembah Bujang sudah mempunyai kebudayaan yang tinggi. Berdasarkan kepada sumber Arab umpamanya pernah menyatakan, Kerajaan Kalah-bar merupakan wilayah yang berada di bawah jajahan al-Zabaj (Sriwijaya) dan ianya merupakan wilayah yang paling dikenali oleh para pedagang untuk mendapatkan bekalan air bersih. Kepesatan dan perkembangan perdagangan di Kedah Tua (Lembah Bujang) turut digambarkan oleh Abu Dulaf Misa’r di mana Kalah digambarkan merupakan sebuah kota kerajaan yang dikelilingi oleh tembok, dipenuhi dengan taman bunga, kemudahan bekalan air bersih, pasar dan mempunyai penduduk yang ramai.

“ ... he found Kalah (sic) to be very large, surrounded by big walls, with numerous gardens and abundant streams of water... Around Kalah therewas a succession of towns, small market-town, and gatherings of houses. ”²⁶

Kepesatan dan perkembangan perdagangan di Kalah turut didukung oleh perkembangan dari segi kebudayaan . Abu Dulaf turut mencatatkan masyarakat Kalah telah mengamalkan kerja-kerja pandai besi (membuat pedang) dan telah tahu menjaga kebersihan dengan menggunakan sungai sebagai sarana untuk mandi. Dari segi pemakanan pula masyarakat Kalah digambarkan memakan gandum, sayur-sayuran diperjual beli dalam kiraan berat dan roti yang diperjual beli dalam kiraan jumlah.²⁷ Dari segi sosial pula mereka telah mengamalkan sistem keadilan serta perundungan yang tersusun meliputi sistem keadilan, layanan terhadap para pesalah serta yang berhubungan dengan denda.²⁸ Walau bagaimanapun masyarakat Kalah

²⁶ Braddell, “ Notes on ancient ... ” hlm. 23 .

²⁷ Wheatley, *op.cit.*, hlm. 216 - 217 .

²⁸ *Ibid.*, hlm. 217 .

dari segi penyembelihan digambarkan memakan haiwan tanpa disembelih. Perkembangan perdagangan di Kalah juga berkaitan dengan barang yang dikeluarkan oleh wilayah tersebut yang merupakan pengeluar utama kayu gaharu, kapur barus, kayu cendana, gading, timah dan pengeluar timah utama.²⁹

Walaupun lokasi Kalah dipertikaikan oleh para sarjana, penulis berpendapat bahawa lokasi Kalah terletak di Lembah Bujang. Ini adalah kerana setakat ini telah ditemui sekitar 37 buah tapak arkeologi zaman Hindu-Buddha di Lembah Bujang dan ianya akan terus meningkat berdasarkan survei yang giat dilakukan oleh pihak Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Dengan jumlah penemuan tapak arkeologi yang berselerakkan dan meluas berbanding dengan kawasan-kawasan lainnya di Asia Tenggara dan ianya merupakan alasan mengapa penulis beranggapan lokasi Kalah diduga berada di Kedah Tua (Lembah Bujang). Selain daripada itu terdapat banyak artifak yang berhubungan dengan perdagangan telah dijumpai di sini seperti artifak daripada Timur Tengah umpamanya serpihan kaca,³⁰ duit syiling (dirham dari Tapak 4)³¹ dan juga tembikar *Samarra*.³² Sehubungan dengan hal tersebut perkembangan Kalah (Lembah Bujang), sebagai pusat perdagangan yang unggul sekitar abad ke 4 hingga abad ke 14 berkaitan rapat dengan keadaan muka bumi dan persekitaran Lembah Bujang itu sendiri. Di antara faktor yang turut mempengaruhi perkembangan perdagangan adalah seperti berikut :

- 1) Lokasi Kedah Tua di tengah-tengah jalan perdagangan timur dan juga barat yang menjadi laluan utama para pedagang daripada China dan juga India serta pedagang Arab daripada Timur Tengah.

²⁹ Braddell, *op.cit.*, hlm. 24.

³⁰ Lamb, "Miscellaneous papers..." hlm. 57 .

³¹ Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 32.

³² Lihat Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd Yatim, *Warisan...*, hlm. 41 dan 85.

- 2) Lokasi yang strategik sebagai tempat persinggahan dan berlindung daripada tiupan angin monsun serta menunggu pertukaran angin monsun.
- 3) Secara semulajadi Kedah Tua (Lembah Bujang) mempunyai sumber laluan air yang luas dan sungai yang berperanan sebagai penghubung di antara kawasan pedalaman dan juga di kawasan pesisir pantai. Secara umumnya dua buah sungai utama adalah Sungai Merbok dengan cawangannya Sungai Merbok Kecil, Sungai Bujang dan Sungai Muda dengan cawangannya Sungai Trus. Selain sebagai laluan perhubungan ianya juga berperanan sebagai laluan untuk memasarkan hasil perdagangan daripada kawasan pedalaman ke kawasan pesisir pantai. Kemudahan perdagangan diperlengkapi pula dengan lokasinya yang berhampiran dengan pelabuhan perdagangan sekitarnya seperti Jambi, Patani, Ligor, Palembang dan juga Takuapa.
- 4) Pelabuhan di Lembah Bujang banyak memperdagangkan hasil bumi yang diperlukan oleh pedagang pada waktu tersebut seperti emas, rotan dan beberapa hasil hutan lagi.³³
- 5) Pelabuhan Lembah Bujang selain membekalkan sumber air bersih untuk tujuan padagang juga subur untuk penanaman padi dan mempunyai bekalan minuman serta makanan yang mencukupi untuk tujuan persinggahan. Perkembangan Lembah Bujang sebagai pusat perdagangan juga dipengaruhi oleh beberapa faktor sampingan :

5.1 Berhampiran dengan gunung Jerai yang berperanan sebagai *landmark* atau petunjuk arah pelayaran

³³ F.L Dunn, " Rainforest collectors and traders a study of resource utilization in modern and ancient Malaya ", *MBRAS*, No. 5, 1975, hlm. 110 - 114 dan lihat Yahaya Abu Bakar, " Kedah dan perdagangan tradisi di Asia abad ketujuh hingga abad keenam belas Masehi " dalam *Dokumentasi konvensyen sejarah Negeri Kedah Darul Aman*, Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman : Alor Setar , 1991, hlm. 37.

5.2 Gunung Jerai juga berperanan menarik minat para pedagang
dari pada India kerana mereka mempercayai gunung adalah
merupakan tempat persemadinaan para dewa. Di samping itu juga
kebanyakannya daripada sungai seperti Sungai Merbok Kecil dan
Sungai Bujang berpunca daripada Gunung Jerai dan peninggalan
candi juga kebanyakannya di temui di sepanjang kedua-dua
sungai berkenaan.

6.3 Unsur Tempatan Dalam Budaya Hindu-Buddha Di Lembah Bujang

Sekiranya diperhatikan secara dekat terdapat beberapa contoh artifak yang dapat ditonjolkan sebagai bukti bahawa pengaruh tempatan sedikit sebanyak turut memainkan peranan di dalam mengembangkan penyebaran budaya Hindu-Buddha di Lembah Bujang. Untuk tujuan tersebut penulis membahagikan kepada dua kategori iaitu pertama berdasarkan struktur bangunan candi dan keduanya berdasarkan kepada data artifak.

6.3.1 Unsur Tempatan Seni Bina Bangunan Candi

Setakat ini hampir 37 buah tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah yang telah ditemui di Lembah Bujang. Salah satu ciri seni bina bangunan candi yang ditemui di Lembah Bujang adalah atas pelapik tiang yang diperbuat daripada batu granit. Asas pelapik tiang telah dijumpai hampir pada setiap buah candi di Lembah Bujang. Di samping itu suatu perkara yang menarik berhubung dengan asas pelapik tiang ini mempunyai persamaan dengan asas pelapik tiang pada kebanyakan rumah masyarakat Melayu di Lembah Bujang pada masa kini. Tujuan pembinaan asas pelapik tiang ini bertujuan untuk melindungi rumah berkenaan daripada proses pereputan dan juga memanjangkan jangka hayat rumah berkenaan. Sementara berdasarkan kepada bentuk atap candi berdasarkan kepada asas pelapik tiang yang

ditemui di bahagian setiap penjuru bangunan candi diduga ianya adalah penunjang kepada bahagian yang lebih berat. Berdasarkan kepada pendapat oleh Lamb bentuk bumbung candi terutamanya di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) berbentuk cungkup dan mengecil apabila semakin ke bahagian atas candi.³⁴ Berdasarkan kepada unsur perlambangan candi ianya adalah sebagai perwujudan gunung Meru (Mahameru) di mana merupakan tempat tinggal para dewa.³⁵ Unsur ini juga mempunyai persamaan dengan bentuk atap di kalangan masyarakat Melayu yang dikenali sebagai atap cungkup yang kebiasaannya mempunyai jumlah yang ganjil (kebiasaannya berjumlah 3) dan ianya mempunyai unsur mistik di antara hubungan manusia dan juga penciptanya.

Bahagian yang paling bawah dianggap sebagai unsur awal kehidupan manusia sementara bahagian tengahnya adalah perlambangan kehidupan manusia pada masa kini dan bahagian yang paling atas pula merupakan perlambangan tuhan yang Esa yang mana manusia akan mengadapnya setelah kematian. Di dalam teori kosmologi Hindu alam kosmos ini terbahagi kepada *Triloka* (tiga alam) iaitu pertama *Ilavrita* (alam langit / syurga) kedua adalah *Bhumi* (alam bumi) dan ketiganya *Tala* (alam bawah bumi).³⁶ Berdasarkan kepada unsur yang dibahaskan diduga oleh penulis telah terjadi proses adaptasi dan juga akulterasi di antara kedua-dua pengaruh berkenaan sehingga di antara kedua-dua pengaruh baik budaya tempatan maupun budaya daripada luar (India) tidak berdiri sendiri tetapi saling pengaruh mempengaruhi di antara satu sama lain. Apabila unsur tempatan masih diguna disamping penerimaan terhadap budaya luar yang masuk merupakan satu ketahanan bagi budaya asal ataupun sekali lagi bertindak sebagai penapis terhadap budaya luar yang masuk.³⁷ Berdasarkan kepada bentuk bangunan candi ini juga penulis

³⁴ Alastair Lamb, *Chandi Bukit Batu Pahat ...*, hlm. 50 fig. 20 dan hlm. 51 fig. 21.

³⁵ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Falsafah alam semesta dalam sejarah tanah Melayu*, Petaling Jaya : Access Infotech Sdn. Bhd, 1995, hlm. 28.

³⁶ *Ibid.*, hlm. 27.

³⁷ R.G. Soekadijo, *Antropologi (Jilid 1)*, Jakarta : Penerbitan Erlangga, 1988, hlm. 351.

berpendapat ianya di buat oleh masyarakat tempatan yang telah mengamalkan ajaran Hindu-Buddha di sekitar Lembah Bujang. Bahkan berdasarkan kepada pembahagian struktur bangunan candi di Lembah Bujang secara keseluruhan dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama bahagian kaki candi, keduanya adalah bahagian badan candi dan ketiganya adalah bahagian atap candi. Struktur bahagian badan candi sehingga ke bahagian atap candi di Lembah Bujang yang terdiri daripada bahan binaan kayu tidak pernah ditemui di India Selatan dan penulis bersetuju dengan pendapat Lamb kemungkinan ianya adalah merupakan penyerapan unsur tempatan dan digabungkan dengan unsur budaya luar.

*"... while the plan of the temple bears many resemblances to the plan of early South India temples, yet many of its feature, the stone for timbers, the sloping timber struts around the sanctuary wall... do not quite fit in with what we know of South India Practise. "*³⁸

Proses akulterasi pernah diuraikan sebagai :

*"... mengenai proses sosial yang timbul bila suatu kelompok manusia dengan satu kebudayaan tertentu dihadapkan dengan unsur-unsur dari suatu kebudayaan asing dengan sedemikian rupa, sehingga unsur-unsur kebudayaan asing itu lambat-laun diterima dan diolah ke dalam kebudayaan sendiri tanpa menyebabkan hilangnya kepribadian kebudayaan itu sendiri "*³⁹

Unsur-unsur yang perlu diperhatikan sewaktu proses akulterasi dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama :

1. Pergabungan

³⁸ Lamb, "The temple on the river ...," hlm. 66.

³⁹ Koentjaraningrat, *Pengantar ilmu antropologi*, Jakarta : Aksara Baru, 1985, hlm. 248.

Unsur yang terpenting apabila dua budaya berbeza bertembung dapat bergabung **sesama** pendukungnya sekiranya saling menerima di antara kedua budaya berkenaan. Hal ini dapat diperhatikan berhubung penerimaan masyarakat tempatan Lembah Bujang terhadap ajaran Hindu-Buddha tanpa sebarang tentangan walaupun pada **waktu** yang sama mereka mengamalkan kepercayaan animisme. Kekosongan daripada **segi** rohani telah mendorong mereka untuk menerima ajaran Hindu - Buddha **sedikit** demi sedikit .

2. Kesesuaian

Pertembungan di antara kedua-dua budaya haruslah mempunyai kesesuaian dan dapat **diterima** oleh salah satu daripada pendukung budaya lainnya. Hal yang terpenting **di** sini adalah dari segi nilai yang terkandung di antara kedua-dua budaya baik yang **bercirikan** tempatan ataupun yang diterima daripada luar. Nilai berdasarkan kepada pendapat Sidi Gazalba merupakan sesuatu yang bersifat relatif dan juga **subjektif**.⁴⁰ Sesuatu yang baik pada nilai tertentu belum tentu diterima baik oleh sekelompok masyarakat lainnya. Sehubungan dengan hal tersebut nilai yang terkandung **di** antara kedua-dua budaya yang berbeza harus mempunyai kesesuaian yang saling **melengkapi** di antara satu sama lain sehingga ada kesesuaian yang saling mendukung.

3. Peranan

Peranan budaya yang telah diterima haruslah mempunyai peranan yang hampir sama dengan budaya pribumi. Sebagai contohnya masyarakat Lembah Bujang pada awalnya **berfahaman** animisme dan kemasukan ajaran Hindu-Buddha dapat diterima oleh masyarakat pribumi disebabkan kekosongan jiwa mereka pada waktu itu. Masyarakat **pribumi** yang menerima pengaruh asing ini diduga hanya masyarakat

⁴⁰ Sidi Gazalba, *Sistematika Filsafat*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 362.

yang tinggal berhampiran pusat perdagangan di Lembah Bujang dan di tempat-tempat yang mempunyai penempatan pedagang India.

Kemasukan pengaruh Hindu-Buddha di Lembah Bujang secara amnya telah diterima secara aman oleh masyarakat pribumi tanpa sebarang kekerasan (*penetration pacifique*). Penulis berpendapat golongan yang bertanggungjawab menyebarkan pengaruh Hindu-Buddha di Lembah Bujang adalah golongan pedagang yang datang bersama-sama dengan mereka adalah golongan Brahman. Perkembangan ini dapat dilihat berdasarkan kepada peninggalan candi di Lembah Bujang yang hampir kesemuanya ditemui di sepanjang Sungai Merbok Kecil, Sungai Bujang dan Sungai Muda. Peranan sungai di Lembah Bujang selain berperanan sebagai jalan perdagangan juga menyediakan kemudahan bekalan air bersih untuk keperluan para pedagang.

Berdasarkan kepada peninggalan candi yang terdapat pada sepanjang Sungai Merbok Kecil yang menjadi tumpuan kajian adalah terdiri daripada Tapak 49 (Telaga Sembilan / Sungai Merbok Kecil) dan Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil).⁴¹ Candi yang terdapat di sepanjang Sungai Bujang yang menjadi tumpuan kajian adalah terdiri daripada Tapak 17 (Bukit Pendiat / Sungai Bujang), Tapak 16 (Kampung Pendiat / Sungai Bujang),⁴² Tapak 5 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang),⁴³ Tapak 11/3 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang),⁴⁴ Tapak 21 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang),⁴⁵ Tapak 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang),⁴⁶ Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang

⁴¹ Lihat foto 3.

⁴² Lihat foto 11.

⁴³ Lihat foto 7 .

⁴⁴ Lihat foto 8 .

⁴⁵ Lihat foto 5 .

⁴⁶ Lihat foto 6 .

⁴⁷ dan peninggalan candi yang terdapat di Sungai Muda seperti Tapak 33 (Kampung Sungai Mas / Sungai Muda), Tapak 31⁴⁸ (Kampung Permatang Pasir / Sungai Muda) dan Tapak 32 (Kampung Sungai Mas / Sungai Muda) menunjukkan perkembangan kebudayaan Hindu - Buddha yang berkembang di Lembah Bujang disebarluaskan oleh para pedagang bersama dengan peranan Brahman yang kemungkinan dibawa bersama dengan delegasi perdagangan daripada India Selatan. Secara keseluruhannya bahan binaan candi yang telah disentuh di atas diperbuat daripada laterit, batu sungai, batu granit dan batu-bata. Pembahasan berhubung dengan peninggalan candi ini akan disentuh berdasarkan kepada seni bina bangunan candi itu sendiri dan juga pengamal penganutnya serta hubungannya dengan candi Hindu yang masih lagi digunakan sehingga ke hari ini.

Candi yang menjadi bahan kajian di Sungai Merbok Kecil seperti Tapak 49 (Telaga Sembilan / Sungai Merbok Kecil) terdiri daripada gabungan batu sungai dan juga batu granit. Keadaan candi ini terutama bahan binaannya berada di dalam keadaan berselerakan dan tidak dapat direkonstruksi kembali. Bahan binaan yang berselerakan tersebut telah dilonggokkan pada suatu tempat tertentu sementara atas pelapik tiang⁴⁹ daripada tapak candi ini diperbuat daripada batu granit termasuklah sebuah *padmasana* yang berbentuk suluran bunga teratai.⁵⁰ Candi Tapak 8 pula diperbuat daripada batu granit dan mempunyai susunan struktur bahagian kaki dan bahagian badan sahaja sementara bahagian atap daripada candi ini tidak dapat dikesan disebabkan diduga ianya diperbuat daripada bahan yang mudah reput seperti kayu. Seperti yang telah diuraikan pada Bab 3 candi ini pada penelitian penulis merupakan ciri unsur Hindu.

⁴⁷ Lihat foto 4 .

⁴⁸ Lihat foto 10.

⁴⁹ Lihat foto 19 dan foto 35.

⁵⁰ Lihat foto 35 dan 36.

Candi yang terdapat pada aliran Sungai Bujang berdasarkan kepada struktur binaan terdiri daripada dua unsur utama iaitu batu-bata dan juga bahan laterit sementara pada pengamalan penganutnya pula dapat dibahagikan kepada dua iaitu candi yang mengamalkan ajaran Hindu dan juga candi yang mengamalkan ajaran Buddha. Candi Tapak 17 (Bukit Pendiat / Sungai Bujang) juga berada di dalam keadaan runtuhan dan tidak direkonstruksi kembali dengan sepenuhnya disebabkan kekurangan bahan bukti dan rekod untuk memperlengkapan rekonstruksinya. Walau bagaimanapun ianya diperbuat daripada batu-bata dan mempunyai bentuk yang agak berbeza berbanding dengan kebanyak bentuk candi yang dijumpai di sekitar Lembah Bujang. Candi ini berbentuk *octagonal* ataupun persegi lapan. Candi ini pada pandangan penulis merupakan unsur kepada ajaran Hindu di mana lapan segi merupakan sebagai perlambangan kepada Dikpalaka (lapan dewa penjaga lapan arah mata angin).⁵¹ Candi Tapak 16 (Kampung Bukit Pendiat / Sungai Bujang) diperbuat daripada bahan laterit dan mempunyai struktur bahagian kaki dan badan candi. Candi Tapak 16 ini berunsur Buddha. Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang) dibuat daripada bahan laterit dan mempunyai struktur bahagian kaki dan badan candi sementara bahagian atap tidak dapat dikesan dan diduga ianya diperbuat daripada bahan binaan yang mudah reput seperti kayu. Hal ini dapat didasarkan kepada asas pelapik tiang dan juga asas bendul pintu pada candi ini yang diperbuat daripada batu granit.⁵² Tapak 5 dan 11/3 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang) diperbuat daripada bahan batu sungai dan mempunyai dua struktur asas candi iaitu bahagian kaki dan juga bahagian badan candi sementara Candi Tapak 5 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang) bahagian atap diduga tidak dipunyai oleh candi ini berdasarkan kepada tiadanya sebarang jumpaan asas pelapik tiang ataupun asas bendul pintu. Hal ini agak berbeza dengan Candi Tapak 11/3 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang) yang jelas telah ditemui sejumlah empat asas pelapik tiang.⁵³

⁵¹ Ayatrohaedi, *op.cit.*, hlm. 12.

⁵² Lihat foto 21, 22 dan 25.

⁵³ Lihat foto 14, foto 15, foto 16 dan foto 27.

Candi Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) diperbuat daripada batu-bata dan mempunyai struktur kaki dan badan dan tidak ditemui sebarang asas pelapik tiang di tapak ini. Penulis berpendapat tapak ini merupakan sebuah **candi** yang digunakan untuk kegunaan keagamaan sehari-hari berdasarkan kepada bentuk struktur binaannya yang agak ringkas disamping telah ditemui arca Ganesha di sekitar tapak berkenaan.⁵⁴ Berdasarkan kepada arca yang telah ditemui penulis menduga ianya adalah digunakan oleh penganut yang memegang aliran Sivais. Sekitar 200 meter daripada Tapak 19 terdapat Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) yang juga diperbuat daripada batu-bata. Penulis bersetuju bahawa candi ini digunakan oleh penganut Buddha berdasarkan arca Buddha yang diperbuat daripada tanah liat yang telah dijumpai di tapak ini.⁵⁵ Sementara pada aliran Sungai Muda tumpuan candi adalah pada Tapak 31 (Permatang Pasir / Sungai Muda). Candi ini diperbuat daripada batu laterit dan Sullivan berpendapat ianya adalah candi berunsur Buddha dan penulis bersetuju dengan pendapat beliau berdasarkan temuan arca tembaga Buddha yang kecil dan ukiran bunga teratai juga daripada tembaga.

Berdasarkan kepada tinjauan penggunaan bahan binaan untuk candi yang telah dibahaskan di atas jelas menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang ketara di antara bahan binaan candi yang mengamalkan ajaran Hindu ataupun Buddha bahkan terdapat persamaan penggunaan bahan binaan sama ada daripada batu-bata, batu sungai, batu granit maupun mineral laterit. Sehubungan dengan hal tersebut penulis berpendapat di Lembah Bujang unsur perdagangan telah memainkan peranan utama masuknya pengaruh daripada India Selatan dengan Sungai Merbok Kecil, Sungai Bujang dan juga Sungai Muda memainkan peranannya secara serentak sepanjang abad ke 4 hingga abad ke 14 M. Lokasi dan proses perdagangan di Lembah Bujang pada pendapat penulis dapat dibahagikan kepada dua lokasi utama :

⁵⁴ Lihat foto 62.

⁵⁵ Lihat foto 73, foto 74 dan foto 75.

1. Kawasan muara Sungai Merbok dan Sungai Muda memainkan peranan sebagai pusat pengumpulan barang perdagangan utama memandangkan lokasi geografinya yang berada menghadap ke Selat Melaka dan kemudiannya berkembang menjadi sebuah pelabuhan perdagangan *entrepot* yang utama di rantau Asia Tenggara.
2. Kawasan sekitar Sungai Bujang dan juga Sungai Trus yang telah berkembang sebagai laluan perdagangan pedalaman (berdagang dengan masyarakat tempatan yang tinggal di kawasan pedalaman). Seperti yang telah diuraikan pada halaman terdahulu Lembah Bujang ataupun Kedah Tua merupakan pengeluar kayu gaharu, kapur barus, kayu cendana dan gading yang utama. Untuk tujuan tersebut para pedagang beragama Hindu ataupun Buddha mengambil kesempatan yang ada untuk membina candi dan juga menyebarkan ajaran dan fahaman masing-masing kepada masyarakat pribumi.

6.4 Artifak Arca Agama Hindu-Buddha Di Candi Lembah Bujang

Tumpuan perbincangan di dalam bahagian ini lebih diberi perhatian oleh penulis terhadap jumpaan arca dan artifak lainnya yang berkaitan dengan pemujaan terhadap dewa / dewi Hindu ataupun Buddha. Berdasarkan kepada peninggalan artifak zaman Hindu-Buddha di Lembah Bujang jika ditinjau daripada aspek seni arca didapati secara keseluruhannya penganut ajaran Hindu di Lembah Bujang agak menarik berbanding dengan peninggalan Buddha yang sememangnya jelas mempunyai pengaruh Mahayana. Penulis berpendapat anutan masyarakat Hindu di Lembah Bujang pada sekitar kurun ke 9 / 10 hingga kurun ke 14 M adalah aliran Siwa dan juga aliran Wisnu (hanya dikesan di Tapak 4). Walau bagaimanapun tiada sebarang seni arca yang menggambarkan dengan jelas dan nyata akan ciri yang lengkap kewujudan kedua-dua dewa berkenaan dalam bentuk yang lengkap melainkan hanya perlambangan daripada kedua-dua dewa tersebut.⁵⁶ Di antara ciri

⁵⁶ Lihat foto 65 dan foto 66.

perlambangan kepada dewa Siwa adalah *lingga* yang telah dijumpai di Tapak 8 (**Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil**),⁵⁷ Tapak 19 (**Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang**)⁵⁸ dan Tapak 4 (**Estet Sungai Batu / Sungai Bujang**).⁵⁹ Keduanya adalah *yoni* yang merupakan perlambangan kepada *sakthi* dewa Siwa sendiri. *Yoni* yang ditemui di Lembah Bujang didapati di Tapak 50 (**Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang**),⁶⁰ Tapak 4 (**Estet Sungai Batu / Sungai Bujang**),⁶¹ Tapak 5 (**Estet Sungai Batu / Sungai Bujang**),⁶² dan Tapak 49 (**Telaga Sembilan / Sungai Merbok Kecil**).⁶³ Keduanya adalah penemuan arca Ganesha yang merupakan anak kepada dewa **Siwa** dengan dewi Parwati. Arca Ganesha yang dijumpai di Tapak 4 (**Estet Sungai Batu / Sungai Bujang**) seperti yang telah dibahas pada Bab 3 tesis ini. Arca Ganesha yang dibahas di sini adalah diperbuat daripada batu granit dan ciri yang jelas pada arca ini adalah belalai, tangan kiri yang melambangkan seakan-akan sedang menadah *kamandhalu*⁶⁴ (dan penulis menduga bahagian hujung belalai yang hampir tidak kelihatan pada bahagian hujungnya mengarah masuk ke dalam *kamandhalu*). Gadingnya kelihatan dengan jelas dan ciri yang terpenting daripada arca ini adalah terdapatnya kesan tiga segi pada bahagian tengah di antara kedua-dua mata **Ganesha** berkenaan yang difikir oleh penulis sebagai perlambangan kepada *ardhachandrakapala*. Manakala arca Ganesha keduanya adalah di Tapak 19 (**Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang**).⁶⁵ Arca ini seperti yang telah

⁵⁷ Lihat foto 42.

⁵⁸ Lihat foto 51.

⁵⁹ Lihat foto 49 dan foto 50.

⁶⁰ Lihat foto 52.

⁶¹ Lihat foto 53 dan foto 54.

⁶² Lihat foto 55.

⁶³ Lihat foto 56.

⁶⁴ Lihat foto 60.

⁶⁵ Lihat foto 62.

dihuraikan tidak mempunyai kepala dan diperbuat daripada *terracotta*. Di antara ciri terpenting yang terdapat pada arca ini adalah kalung mutiara, belalai, gading yang patah, *kamandalu*, *upawita* dan perutnya yang buncit. Arca seterusnya yang mewakili perlambangan kepada dewa Siwa adalah arca Durga Mahisasura.⁶⁶ Di antara cirinya ianya mempunyai 4 tangan dan sedang meminjak kepala seekor kerbau. Sementara arca perlambangan kepada dewa Siwa yang diwujudkan sebagai *vahana* dapat dilihat di Tapak 4 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang) berbentuk kepala **Nandi**.⁶⁷ Nandi merupakan *vahana* kepada dewa Siwa.

Sementara perlambangan kepada dewa Wisnu pula dapat diperhatikan kepada perlambangan yang diwujudkan sebagai *vahana* berbentuk Kurma (*dipa-phita*).⁶⁸ Arca **Kurma** yang dijumpai di Lembah Bujang ditemui di Tapak 4 (Estet Sungai Batu / **Sungai** Bujang). Arca ini diperbuat daripada batu granit dan merupakan arca *achala* iaitu arca yang dapat dipindahkan daripada satu tempat ke tempat lainnya. Walau bagaimanapun pada bahagian hujung daripada arca kurma berkenaan terdapat kesan patah sehingga bahagian kepalanya tidak kelihatan.

Selain daripada arca yang berkaitan dengan perlambangan kepada dewa Siwa dan juga **dewa** Wisnu juga terdapat arca yang berhubungan sebagai pelengkap kepada arca dewa dan juga pelengkap kepada struktur sesebuah bangunan candi. Arca yang dimaksudkan adalah arca yang berperanan sebagai penjaga kepada bangunan **candi** itu sendiri daripada dimasuki ataupun diganggu oleh roh jahat. Di Lembah **Bujang** arca berkenaan pertamanya adalah arca *dwarapala* yang diperbuat daripada **batu** granit dan ditemui di Tapak 35/36.⁶⁹ Arca ini dilambangkan memegang **gada** pada salah satu daripada tangannya, memakai *jatamahkota*, kalung,

⁶⁶ Lihat foto 64.

⁶⁷ Lihat foto 65.

⁶⁸ Lihat foto 66.

⁶⁹ Lihat foto 67.

subang, *upawita* sementara posisi kakinya adalah *pratyalidha*. Arca kedua sebagai pelengkap kepada bangunan candi dan juga berperanan sebagai pengusir roh jahat adalah *kala*. Di Lembah Bujang arca *kala* dijumpai berjumlah 4. Pertamanya adalah kala yang berperanan sebagai pemegang tangga iaitu seperti yang telah ditemui di Tapak 18.⁷⁰ Pada kiri dan kanan terdapat bahagian mata yang berbentuk bulat dan dihias dengan bahagian lidah disulurkan keluar serta dihias dengan rahang bahagian atas daripada suluran lidah arca tersebut. Keduanya adalah arca *kala* yang dijumpai di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang).⁷¹ Arca *kala* di tapak ini dipahat dengan hiasan suluran terutamanya pada bahagian rambutnya, mata dipahat dengan bentuk bulat dan agak menonjol, begitu juga dengan bahagian kiri dan kanan daripada arca berkenaan, hidung jelas kelihatan kesan pahatannya, pahatan bahagian rahang hanya kelihatan pada bahagian atas sementara pada rahang bahagian bawah tidak kelihatan disebabkan ditutupi dengan suluran lidah arca *kala* berkenaan. Arca *kala* ketiga adalah seperti yang telah ditemui di Tapak 21/22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang).⁷² Kesan yang jelas yang cuba ditorjolkan daripada arca ini adalah kesan yang menakutkan seperti pada bahagian mata arca *kala* ini dipahat dengan bentuk yang agak membulat. Arca *kala* keempat adalah seperti yang telah dijumpai di Kampung Sungai Mas.⁷³ Arca *kala* ini diduga berperanan sebagai pemegang bahagian tangga. *Kala* ini dipahat dengan unsur mata yang agak menonjol serta mempunyai rahang bahagian atas sementara rahang bahagian bawah hanya terdapat pada kiri dan juga kanan daripada kala berkenaan. Bahagian lidah *kala* ini juga dipahat sebagai pemegang tangga. Pada bahagian tengah atas daripada *kala* tersebut terdapat bentuk persegi empat yang dipercayai oleh penulis berperanan sebagai pasak. *Kala* merupakan salah satu daripada pola hias di dalam seni bina

⁷⁰ Lihat foto 68.

⁷¹ Lihat foto 69.

⁷² Lihat foto 71.

⁷³ Lihat foto 70.

candi dan hanya terdapat pada candi berunsur Hindu sahaja. Hiasan *kala* juga ditemui di candi di Jawa dan Kemboja.

Komponen lainnya yang penting di dalam candi di Lembah Bujang pada sekitar abad ke 4 hingga ke 14 M adalah *somasutra*. Ianya berperanan sebagai saluran air yang biasanya digunakan untuk tujuan keagamaan terutamanya untuk menyucikan *Lingga* dan juga mencuci bangunan candi. Biasanya di dalam agama Hindu sumber yang biasa digunakan adalah air biasa ataupun air susu. Air yang telah dialirkan keluar daripada bangunan candi ini akan dianggap sebagai air suci oleh penganut Hindu dan digunakan untuk tujuan mendapatkan kemakmuran di dalam kehidupan. Berdasarkan kepada kajian yang sedia ada sehingga kini terdapat sekitar 4 buah *somasutra*. Di Tapak 5 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang)⁷⁴ dan Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang) *somasutranya* diperbuat daripada batu granit dan di bahagian tengahnya dipahat dengan bentuk persegi empat.⁷⁵ Sementara di Tapak 4 (Ladang Sungai Batu / Sungai Bujang) *somasutranya* adalah tiga buah yang bersusun dengan bahagian tengahnya juga terdapat pahatan untuk laluan air ataupun untuk aliran susu.⁷⁶ *Somasutra* yang agak menarik dan dapat dianggap sebagai ciri yang lengkap adalah seperti yang terdapat di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok). Ianya diperbuat daripada batuan granit dan berjumlah sekitar 8 buah.⁷⁷ Pada bahagian bawahnya terdapat kesan pasakan di antara satu batu dengan batuan yang lainnya. *Somasutra* ini dipercayai merupakan sambungan dengan dengan *somasutra* yang berada pada bahagian kanan daripada Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok).

⁷⁴ Lihat foto 55.

⁷⁵ Lihat foto 57.

⁷⁶ Lihat foto 58.

⁷⁷ Lihat foto 59.

Berdasarkan kepada huraian yang telah dijelaskan didalam Bab 3 dan Bab 4 berhubung dengan struktur serta artifak yang berhubungan dengan struktur sesebuah candi yang terdapat di Lembah Bujang maka secara tidak langsung candi di Lembah Bujang dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu pertamanya candi yang berhubungan dengan kegunaan keagamaan meliputi untuk tujuan pemujaan kepada para dewa dan keduanya adalah candi yang berhubungan dengan tujuan sehari-hari. Di dalam hal ini apa yang jelas candi untuk tujuan keagamaan boleh dilihat berdasarkan kepada struktur dan juga *somasutra* yang terdapat di dalamnya di mana iaanya berperanan sebagai saluran air sewaktu upacara keagamaan dilakukan. Candi yang sedemikian adalah candi Tapak 4 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang), Tapak 5 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang), Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) dan Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang). Sementara candi yang pada pandangan penulis berperanan sebagai candi untuk tujuan sehari-hari dan didatangi tanpa mengira masa adalah candi Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang), Candi Tapak 11/3 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang), Candi Tapak 5 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang), Candi Tapak 16 (Kampung Pendiat / Sungai Bujang) dan Tapak 31 (Kampung Permatang Pasir / Sungai Muda) yang merupakan candi berunsur Hindu sementara Hindu yang diduga oleh penulis yang digunakan untuk pemujaan terhadap para dewa adalah Candi Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang) dan Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) merupakan candi yang digunakan untuk tujuan pemujaan kepada para dewa disamping digunakan untuk tujuan pemujaan sehari-hari sementara candi Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) adalah candi yang berunsur Buddha. Pengamatan yang amat menarik di Tapak 19, 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) adalah terdapatnya dua pengaruh keagamaan yang berbeza iaitu pengaruh Hindu dan juga Buddha di dalam satu lingkungan kawasan yang berdekatan. Berdasarkan kepada usia candi di kawasan ini yang berusia sekitar abad 9 hingga 11 M dan penulis berpendapat pada waktu tersebut telah wujud kelompok masyarakat yang saling memahami antara satu sama lain dan telah wujud kebebasan beragama di sekitar Kampung Pengkalan Bujang.

Lokasinya yang berdekatan dengan Sungai Bujang juga menunjukkan candi ini telah dibina oleh golongan pedagang Hindu dan Buddha untuk memudahkan mereka melakukan ibadah pada waktu yang dikehendaki.

Satu lagi ciri yang menarik daripada kajian penulis di dalam Bab 4 dan juga Bab 5 adalah pemujaan berhubung dengan *sakhti*. Perkembangan ini dapat dibuktikan berdasarkan penemuan arca Durga Mahisasura dari Candi Tapak 35/36 dan kepingan emas bentuk dewi dalam keadaam duduk yang telah dijumpai di dalam beberapa relikuari batu di Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil). Pemujaan terhadap *sakhti* adalah satu amalan *ritual* yang *popular* di India pada waktu itu. Berdasarkan kepada kajian terhadap arca-arca serta peninggalan artifak yang berhubungan dengan keagamaan Hindu-Buddha seperti *somasutra*, *vahana*, *yoni*, *lingga* dan *peripih* relikuari, beberapa kesimpulan dapat dibuat oleh penulis. Pertamanya secara keseluruhan kesemua artifak yang telah dibahas di atas merupakan unsur yang penting dan terdapat pada setiap buah candi Hindu di India dan juga di Asia Tenggara dan berhubung dengan hal tersebut, penulis berpendapat di Lembah Bujang unsur bangunan candi dan artifak yang telah dibahas merupakan unsur daripada India secara langsung tetapi disesuaikan dengan unsur tempatan. Keduanya adalah unsur candi dan artifak yang berhubungan dengan ajaran Hindu lebih banyak ditemui berbanding dengan candi dan artifak keagamaan berunsur Buddha. Walau bagaimanapun terdapat juga artifak Buddha yang lebih awal iaitu seperti arca Buddha berdiri yang telah ditemui di Tapak 16 A yang berusia sekitar abad 9 M. Ketiga, kebanyakkan tinggalan berunsur agama Hindu adalah berkaitan dengan pemujaan untuk dewa Siwa sementara pemujaan untuk dewa Wisnu dan Brahma tidak banyak ditemui (perlambangan untuk dewa Wisnu hanya ditemui dalam bentuk *vahana* iaitu kura-kura di Tapak 4 , sementara pemujaan untuk dewa Brahma secara khusus tidak ditemui sama sekali). Bahkan pemujaan terhadap *sakhti* dipercayai oleh penulis juga dilakukan di Lembah Buiang berdasarkan kepada jumaan dewi sedang duduk yang dijumpai pada relikuari batu di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil).

6.5 Survei Candi Baru Berusia Di Antara 80 - 100 Tahun Di Sekitar Lembah Bujang

Tinjauan terhadap perkembangan candi baru di Lembah Bujang telah dilakukan oleh penulis, dan pendekatannya lebih merupakan pendekatan etno-arkeologi. Kajian yang ditumpukan oleh penulis hanyalah terhadap candi berunsur Hindu di mana sebanyak 8 buah kuil telah dipilih dan berada di dalam lingkungan 60 hingga 80 km daripada Lembah Bujang meliputi candi di Seberang Perai Utara, Butterworth, Sungai Petani, Bedong dan juga di Lembah Bujang sendiri. Kajian ini digunakan oleh penulis untuk melihat sejauhmana kesamaan seni bina, seni arca dan peranan keagamaan yang masih berlangsung sehingga ke hari ini. Pendekatan ini belum pernah digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pada candi berunsur ajaran Buddha agak sukar untuk dikesan oleh penulis dan terdapat beberapa kes yang agak meragukan hasilnya sekiranya diteruskan. Selain daripada jumlahnya yang terlalu sedikit candi berunsur Buddha yang terdapat kini boleh dikatakan telah mengalami proses pengubahsuaian yang lama sehingga sukar untuk diperbandingkan dengan seni bina candi Buddha asal di Lembah Bujang. Bahkan tiada sebarang candi Buddha berdekatan dalam lingkungan 60 hingga 80 km daripada Lembah Bujang. Tumpuan kajian yang akan ditumpukan di sini adalah candi Hindu yang berusia sekitar 90 hingga 100 tahun. Keduanya candi berkenaan berjarak sekitar 60 hingga 80 km daripada Lembah Bujang dan yang ketiganya candi berpengaruh Hindu tersebut mempunyai seni bina dan seni arca yang mirip dengan candi di Lembah Bujang yang menjadi objek kajian.

Candi-candi baru ini telah dibina pada waktu kedatangan imigran orang India ke Kedah. Mereka bekerja di estet-estet yang baru dibuka pada masa itu. Di samping itu terdapat juga orang India yang datang untuk tujuan bermiaga di pekan-pekan di Kedah. Candi atau kuil Hindu yang telah didirikan biasanya dibina berdasarkan jenis kuil yang terdapat di India pada awal abad ke- 20 ini. Segala pelan bangunan candi, arca-arca dan segala artifak yang berhubungan dengan pemujaan keagamaan telah

dibuat secara berhati-hati mengikut apa yang telah dipraktikkan di India supaya tidak berlaku sebarang perlanggaran tradisi dan adat Hindu. Sehubungan dengan itu juru bina dari India dijemput datang untuk menguruskan pembinaan candi. Bahkan ada kalanya tukang pahat dari India juga diupah datang untuk memahat segala pahatan yang berkaitan dengan unsur keagamaan. Pada awalnya para sami (Brahman) candi juga terdiri daripada mereka yang dijemput dari India. Oleh sebab itu candi-candi Hindu ini boleh dianggap sebagai mempunyai ciri-ciri agama Hindu tulen (tiada campuran dengan kepercayaan tempatan) dan sesuai untuk kajian secara perbandingan dengan candi-candi kuno di Lembah Bujang supaya dapat dilihat sejauhmana kah candi-candi kuno dan arca-arcanya mempunyai persamaan dengan yang terdapat pada zaman sekarang (yang telah dibuat mengikut *prototype* yang ada di India (bukan di Jawa, Sumatera atau Tanah Besar Asia Tenggara). Selain daripada melihat aspek seni bina arca-arca dan artifak yang berhubungan dengan agama Hindu yang terdapat di dalam candi-candi baru ini, perhatian juga akan diberikan kepada amalan *ritual* yang dijalankan oleh penganut Hindu di dalam candi-candi mereka. Pemerhatian ini akan membolehkan penulis untuk memahami dengan lebih jelas terhadap pembangunan candi Hindu, fungsi, arca-arca dan segala artifak yang berhubungan dengan *ritual* dan bangunan candi seperti *lingga, yoni, somasutra* dan *relikuari* yang pernah dijumpai di tapak-tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah di seluruh Lembah Bujang dan penulis cuba untuk melihat / mengenal pasti apa yang sebenar boleh dianggap sebagai ciri-ciri tulen dalam amalan agama Hindu yang terdapat di candi-candi baru ini. Dalam erti kata yang lain, penulis cuba untuk melihat / mengenal pasti artifak yang merupakan campuran antara unsur asal dan tempatan.

Berdasarkan kepada kajian perbandingan di antara candi kuno Lembah Bujang dengan kuil baru bertujuan untuk melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan seni arca, seni bina arca dan kelengkapannya yang masih diamalkan sekarang dapat dikaitkan. Hal ini disebabkan kebanyakan kuil baru pembinaan dan kelengkapannya dilaksanakan oleh pekerja yang didatangkan daripada India serta untuk melihat

sejauh mana hasil kerja pembinaan candi kuno di Lembah Bujang dan kelengkapannya.

6.5.1 Candi Sri Maha Mariamman (Kepala Batas)

Candi ini terletak di tepi jalan raya pekan Kepala Batas, Seberang Prai Utara. Candi ini berusia sekitar 100 tahun. Struktur asal candi ini telah dirobohkan dan dibina / ganti dengan candi baru di lokasi baru sekitar 50 meter daripada lokasi lama. Walau bagaimanapun dari segi seni arca dan juga peralatan keagamaan masih lagi dikenalkan sejak zaman candi tersebut mula-mula dibina. Arca yang terdapat pada candi ini telah dipahat oleh pengukir yang didatangkan khas dari India. Hal ini disebabkan pengukir tempatan tiada mempunyai kepakaran dan juga kemahiran dalam bidang pembuatan arca yang bersangkutan dengan keagamaan.⁷⁸

Candi Sri Maha Mariamman berbentuk segi empat dengan penjuru sebelah kanan terdapat lokasi yang menempatkan arca Ganesha. Arca ini berperanan sebagai awalan upacara sebelum seseorang itu meneruskan perjalanan upacara di dalam candi berkenaan. Konsep arca tersebut adalah amat bersesuaian sekali dengan peranan dewa Ganesha yang berfungsi sebagai dewa pemusnah segala rintangan.⁷⁹ Di dalam bangunan candi utama terutama pada sekeliling dindingnya dipenuhi dengan hiasan dewa Hindu. Di antara yang menjadi objek kajian adalah dewa Siwa yang digambarkan sebahagian tubuhnya lelaki dan sebahagiannya adalah wanita.⁸⁰ Arca yang menggambarkan dewa Siwa sebagai lelaki digambarkan pada sebelah kiri dengan bercirikan kepada atribut yang sering dibawa oleh dewa Siwa seperti

⁷⁸ Wawancara dengan En. M. Maya Krishnan, 799 Kampung Kevil, Kepala Batas, Seberang Prai Utara, berusia 52 tahun. Beliau merupakan ahli jawatankuasa candi ini.

⁷⁹ Selain berperanan sebagai dewa penghapus segala rintangan, dewa Ganesha juga berperanan di antaranya sebagai dewa ilmu pengetahuan dan juga dewa peperangan. Dewa Ganesha turut mempunyai nama lain seperti Ganapati, Ekadanta, Lambodara dan Surpakarna. Kesemuanya bergantung kepada unsur perwujudan dewa Ganesha dalam bentuk pahatan / mural dan mitologi kepercayaan terhadap dewa Ganesha untuk ditempatkan di dalam sesebuah candi.

⁸⁰ Lihat foto 75.

chandra,⁸¹ pada bahagian bahunya dilingkari oleh ular sendok sebagai *upawita* sementara salah satu daripada tangannya memegang *trisula*. Manakala pada bahagian kanan dari pada tubuh dewa Siwa berkenaan digambarkan atribut *sakhtinya* dengan memegang bunga teratai. Secara keseluruhannya dewa ini mempunyai empat tangan dan dewa Siwa sendiri pada waktu tertentu turut digambarkan mempunyai empat tangan.

Arca Ganesha yang terdapat di candi ini digambarkan seperti atribut yang terdapat pada arca Ganesha yang pernah ditemui di Lembah Bujang. Walau bagaimanapun perbezaan yang ketara adalah pada sebelah tangan kirinya tidak memegang sebarang *kamandhalu* tetapi sebaliknya memegang bebola yang diduga adalah sebagai wadah untuk ditulis dengan *mantra*. Sementara gadingnya adalah sebagai *penna* untuk menulis. Arca Ganesha ini di gambar dengan empat tangan dan dua tangan lainnya memegang peralatan senjata. Bahagian perutnya dililiti dengan ular senduk sementara posisi kakinya *maharajalalita* dan di atas *padma*.⁸²

Dari pada sudut seni bina bangunan candi ianya mempunyai kawasan sakral yang ditempatkan di bahagian tengah bangunan.⁸³ Di dalam bangunan sakral ini ditempatkan arca dewi Mariamman. Sebelum seseorang penganut ajaran Hindu melakukan kegiatan keagamaan terlebih dahulu mereka hendaklah membersihkan

⁸¹ *Chandra* di dalam bahasa Sanskrit bermaksud bulan. Kebiasaannya atribut dewa Siwa pada bahagian atas tengah mahkotanya terdapat *chandra* yang bergabung dengan *ardha* dan *kapala*.

⁸² Arca Ganesha yang terdapat di Lembah Bujang diperbuat daripada batu granit dan juga *terracotta*. Posisi kaki arca Ganesha yang diperbuat daripada batu granit di Lembah Bujang adalah *maharajalalita* dan duduk di atas padma dengan *vahananya* adalah *akhlu* yang dipahat pada bahagian bawah. Arca ini dipamerkan pada bahagian arca di Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Sementara dua buah arca Ganesha di Lembah Bujang di Tapak 4 (Ladang Sungai Batu / Sungai Bujang) diperbuat daripada batu granit belum siap sepenuhnya dipahat sementara sebuah lagi arca Ganesha tanpa kepala yang diperbuat daripada *terracotta* dijumpai di Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) mempunyai ciri khusus iaitu *kamandhalu*.

⁸³ Bahagian *vimana* merupakan yang benar-benar suci di dalam pembahagian struktur bangunan candi. Di halaman inilah segala kegiatan yang menjurus kepada upacara ritual keagamaan dilakukan dengan diketuai oleh seorang sami. Arca dewi Mariamman yang ditempatkan pada bahagian *vimana* hanya boleh dimasuki oleh golongan sami sahaja dan individu lainnya adalah dilarang untuk memasukinya. Sementara halaman *mandapa* pada sesebuah candi berperanan sebagai halaman untuk mempersiapkan diri bagi penganut Hindu sebelum upacara ritual dilakukan dengan sepenuhnya.

rohaninya di kawasan *palipidem* yang mempunyai bentuk seperti *lingga* dan seperti yang telah dihuraikan sebelumnya *lingga* merupakan perlambangan kepada dewa Siwa.⁸⁴ Di kawasan *palipidem* ini juga seseorang penganut Hindu akan menyampaikan segala permasalahannya / permohonan dan kemudiannya wali yang berbentuk **singa** (berada di bahagian belakang *lingga* di *palipidem*) akan membawa masuk permasalah dan permohonan individu kepada dewi Mariamman yang ditempatkan di bahagian tengah bangunan (bahagian suci). Singa ini merupakan *vhana* kepada dewi Mariamman. Pada bahagian pintu masuk halaman *vimana* terutamanya pada bahagian kiri dan juga kanan ditempatkan dua pengawal wanita yang dikenali sebagai Durgasakti.⁸⁵ Berdasarkan kepada atribut yang mengiringi kedua-dua Durgasakti adalah mahkota berbentuk *ratna*, mempunyai empat tangan, tiga daripada tangannya memegang peralatan *gada* yang bertangkaikan ular senduk dan mengarah ke bawah (berhampiran dengan kaki),⁸⁶ tali yang berperanan sebagai alat untuk memukul. Durgasakti yang menempati bahagian kanan pintu masuk halaman *vimana* candi salah satu daripada posisi tangannya mengarahkan jari telunjuknya ke atas.⁸⁷ Perlambangan tersebut merupakan simbol / ingatan kepada penganut Hindu yang ingin melakukan ibadah sebelum memulakannya hendaklah datang dalam keadaan bersih rohani serta ingatannya daripada hal lainnya. Sementara Durgasakti yang menjaga pintu sebelah kiri mempunyai ciri yang hampir sama dengan Durgasakti sebelumnya dan perbezaannya hanyalah pada posisi jarinya yang seolah-olah mengajak penganut Hindu untuk menghampiri candi.

Pada bahagian tepi daripada struktur halaman *vimana* terdapat *somasutra* yang

⁸⁴ Lihat foto 77 .

⁸⁵ Dewa yang menempati halaman *vimana* pada sesebuah candi dapat dikenali berdasarkan kepada arca *dwarapala* yang menjaga bahagian kiri dan juga kanan sesebuah candi. Sekiranya arca *dwarapala* tersebut adalah merupakan wanita maka arca di bahagian *vimana* adalah dewi dan sekiranya arca *dwarapalanya* adalah lelaki maka arca yang menempati halaman *vimana* merupakan dewa.

⁸⁶ Lihat foto 78 .

⁸⁷ Lihat foto 79 .

digunakan untuk mengalirkan air daripada bangunan candi setelah dilakukan upacara *ritual* ataupun pembersihan candi / arca keluar. Sementara air berkenaan akan ditadah dan digunakan oleh penganut ajaran Hindu untuk tujuan menyucikan diri serta mendapatkan kemakmuran di dalam kehidupan.⁸⁸ Air yang biasa digunakan sewaktu upacara penyucian arca dewi Marriamman selain daripada air biasa adalah air susu.⁸⁹ Sewaktu upacara keagamaan dilakukan setiap daripada penganut Hindu akan mengakhiri penyembahan dewa / dewi dengan mengelilingi halaman vimana candi yang menempatkan arca dewi Mariamman sebanyak tiga kali.

Pada halaman sebelah kanan pintu masuk ke bangunan candi ditempatkan pula struktur yang dijaga oleh sembilan dewa yang menjaga peredaran galaksi.⁹⁰ Kedudukan dewa tersebut di bahagian tengah adalah dewa matahari, bahagian utara dijaga oleh dewa penjaga kegembiraan, di bahagian selatan oleh dewa penjaga Venus, bahagian timur adalah dewa penjaga Jupiter, bahagian barat adalah dewa penjaga ilmu pengetahuan, bahagian barat daya ditempati oleh dewa penjaga semadi, bahagian timur laut oleh dewa penjaga bulan, bahagian barat laut oleh dewa penjaga kesakitan sementara bahagian tenggara ditempati oleh dewa penjaga bayang-bayang. Kesemua daripada dewa penjaga galaksi tersebut berperanan sebagai melindungi / membuang seseorang penganut Hindu daripada ditimpa nasib malang / sial / kecelakaan yang berpanjangan.

Candi Mariamman ini seperti yang telah dijelaskan, adalah candi yang menempatkan dewi yang merupakan salah satu daripada *sakthi* Siwa. Pemujaan keagamaan juga adalah lebih dijuruskan kepada isteri Siwa berbanding pemujaan kepada dewa Siwa sendiri. Hal ini dapat dimengertikan kerana dewa Siwa adalah

⁸⁸ Sehingga kini upacara *ritual* keagamaan menggunakan air biasa dan juga air susu masih lagi dilangsungkan pada candi baru.

⁸⁹ Lihat foto 80 .

⁹⁰ Lihat foto 81.

merupakan dewa pemusnah dan yang paling ditakuti oleh penganut ajaran Hindu.

6.5.2 Candi Sri Maha Mariamman (Jalan Bertam, Kepala Batas)

Candi ini terletak di Jalan Bertam, Kepala Batas, Seberang Prai Utara. Candi ini berusia sekitar 100 tahun. Pada bahagian pintu masuk ke halaman utama candi telah dibuat struktur tambahan yang menyerupai dengan bentuk pintu masuk ke halaman candi yang lazimnya ditemui di Jawa dan juga di India Selatan. Pintu gerbang berkenaan jelas menggambarkan bahagian kaki candi, badan candi dan juga atap candi.⁹¹ Candi ini telah dibina oleh juru bina yang didatangkan daripada India.

Tumpuan kajian terhadap candi ini adalah berdasarkan kepada persamaan dan juga hubungannya dengan struktur candi dan juga arca yang terdapat pada candi kuno di Lembah Bujang. Berdasarkan kepada hal tersebut candi utama dikelilingi oleh candi pengapit Siwa. Hal ini dapat diperhatikan terutamanya pada bahagian atap candi pengapit berkenaan terdapat arca dewa Siwa sedang menari.⁹² Atribut arca sedemikian adalah sebagai lambang Siwa sedang dalam keadaan marah dan cuba menyelamatkan dunia daripada kehancuran. Konsep ini mempunyai dua maksud iaitu pertamanya sebagai pelindung kepada candi utama dan keduanya berperanan sebagai pelindung kepada dewi Mariamman yang berada pada halaman *vimana*. Pada bahagian sebelah kanan struktur candi utama juga terdapat sebuah lagi candi apit yang menempatkan arca Durga Mahisasura. Dewi ini mempunyai perbezaan dan persamaan yang ketara dengan arca Durga Mahisasura yang terdapat di Lembah

⁹¹ Lihat foto 82.

⁹² Lihat foto 83.

Bujang.⁹³ Arca Mahisasura yang terdapat di Lembah Bujang pada salah satu daripada tangannya memegang gada yang diarahkan ke bahagian atas sementara arca Mahisasura di candi ini tidak memegang sebarang senjata tetapi digambarkan hanya memegang *cemara*. Berdasarkan kepada pengamatan penulis seperti yang telah dibahaskan pada Bab 3 arca Durga Mahisasura di Lembah Bujang mempunyai empat tangan sementara jumlah tangan Durga Mahisasura di candi ini juga mempunyai empat tangan. Persamaan lainnya yang terdapat pada arca Durga Mahisasura pada kedua-dua lokasi kajian adalah dari lengguk punggungnya yang juga bercirikan *tribhangga* (mengarah agak ke kiri) dan memijak kepala Nandi yang telah dibunuhnya. Peranan arca Durga Mahisasura dalam aspek percandian adalah sebagai pengusir roh jahat dan menjaga halaman *vimana* daripada gangguan.

Pada bahagian pintu masuk ke candi utama dikawal oleh dua arca Dwarabalagam. Arca ini berperanan sebagai pengusir segala roh jahat daripada memasuki halaman *vimana*. Dwarabalagam digambarkan sedang memegang senjata seperti pisau, pemukul dengan bertangkaikan ular senduk sementara tali pemukul *gada* diarahkan pada bahagian kaki. Arca ini juga digambarkan memakai sari⁹⁴ sementara pada bahagian mahkotanya berbentuk *ratna*.

Pada bahagian pemegang tangga kiri dan kanan untuk memasuki ke halaman *vimana* candi ini dihiasi / ditempatkan dengan singa. Walau bagaimanapun disamping hiasan singa pada bahagian pemegang tangga tersebut juga terdapat hiasan yang menyerupai belalai gajah.⁹⁵ Saluran *somasutra* yang terdapat pada bahagian tepi

⁹³ Durga Mahisasura adalah juga merupakan salah satu daripada *sakhti* dewa Siwa. Durga diertikan sebagai dewi maut. Sementara Mahisasura adalah diertikan sebagai gergasi yang menjelmaan dirinya sebagai kerbau dan telah berlaku perperangan di antaranya dengan dewi Durga. Di akhir perperangan tersebut Mahisasura telah dibunuh oleh Durga dengan memenggal kepala Mahisa. Dengan sebab yang sedemikian pada setiap arca Durga Mahisasura , kepala Nandi digambarkan berada dibahagian kaki dewi Durga sebagai lambang kemenangan. Arca Durgamahisasura yang kini berada di dalam simpanan Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Durga dipahat membunuh Mahisasura. Lihat foto 84.

⁹⁴ Lihat foto 85.

⁹⁵ Lihat foto 86.

struktur candi berkenaan dibuat dengan bentuk yang menyerupai *kala* serta bertaring dan mempunyai mata yang menonjol serta menakutkan.⁹⁶ Sehubungan dengan hiasan tersebut saluran *somasutra* diadunkan dengan gambaran lidah yang menyelir keluar daripada mulut *kala*. Air yang disalur keluar daripada candi tersebut adalah air yang digunakan untuk tujuan menyucikan arca Mariamman yang diletakkan di bahagian *vimana* struktur candi tersebut. Selain daripada penggunaan air biasa dan juga air susu sewaktu menyucikan arca Mariamman terdapat juga sejenis campuran yang kerap digunakan sewaktu upacara penyucian arca tersebut dilakukan iaitu dengan menggunakan tiga belas campuran air diantaranya terdiri daripada susu, teriru, oren, tebu, kelapa, tepung beras, minyak dan air.⁹⁷

Pada amalan ajaran Hindu sewaktu upacara keagamaan dilakukan seseorang penganut akan mengelilingi halaman *vimana* yang menempatkan arca Mariamman tersebut sebanyak tiga kali sebagai melepaskan hajat. Candi ini juga masih merupakan pemujaan terhadap dewi Mariamman yang merupakan *sakhi* kepada dewa Siwa.

6.5.3 Candi Sri Mariamman (Jalan Kuala Ketil, Sungai Petani)

Candi ini terletak di pinggir jalan raya yang menghubungkan Batu 2, Jalan Kuala Ketil, Sungai Petani, Kedah. Candi ini berusia sekitar 100 tahun. Seperti candi baru lainnya beberapa ubah suai telah dilakukan terhadap candi ini kerana disesuaikan dengan perkembangan semasa. Walau bagaimanapun tapak candi ini adalah merupakan tapak asal candi sejak ianya mula didirikan. Tumpuan kajian yang diberi perhatian terhadap candi ini adalah dari segi arca, struktur candi, *somasutra* dan juga upacara keagamaan yang berkaitan untuk diperbandingkan dengan upacara

⁹⁶ Lihat foto 87 .

⁹⁷ Wawancara dengan En. Viwanathan berusia 24 tahun dan beliau juga merupakan penjaga kepada candi ini serta berperanan aktif membantu kepada kelancaran perjalanan upacara keagamaan yang berlangsung di candi ini.

keagamaan yang kemungkinan berlangsung sewaktu perkembangan pengaruh Hindu di Lembah Bujang pada suatu ketika dahulu.

Halaman *vimana* daripada candi ini menempatkan arca Mariamman yang merupakan juga merupakan isteri kepada dewa Siwa. Dewi Mariamman di candi ini tiada pengawal yang menjaganya baik dalam bentuk *dwarapala*, Dwarabalagam ataupun *Durgasakhti* pada bahagian kiri dan kanan pintu masuk ke halaman *vimana*. Pada bahagian *mandapa* daripada candi ini ditempatkan *palipedam* yang di bahagian atasnya terdapat bentuk *lingga* dan juga haiwan yang berbentuk singa. Di bahagian tepi daripada struktur halaman vimana terdapat saluran *somasutra* yang hanya dibuatkan lubang sahaja tanpa sebarang hiasan mengiringinya.⁹⁸

Pada waktu upacara keagamaan dilakukan hanya para sami sahaja yang dibenarkan untuk memasuki bahagian *vimana* yang menempatkan arca Mariamman. Sebelum mengakhiri upacara keagamaan di candi ini maka seseorang penganut Hindu akan mengelilingi bahagian *vimana* sebanyak tiga kali. Pada bahagian kiri daripada struktur candi utama terdapat sebuah candi apit yang menempatkan arca Ganesha. Candi apit ini mempunyai bentuk persegi empat tetapi ukurannya lebih kecil berbanding dengan struktur candi utama.⁹⁹ Arca Ganesha juga ditempatkan pada halaman *vimana* dengan dikawal dibahagian luarnya oleh arca Dwarabalagam yang digambarkan mempunyai empat tangan.¹⁰⁰ Tiga daripada tangan Dwarabalagam berkenaan memegang senjata berupa kapak, tali dan juga *gada* yang diarahkan pada

⁹⁸ Tujuan dibina mengekalkan tapak candi lama walaupun pengubahsuaian perlu dilakukan bertujuan untuk mendapatkan berkat. Hasil wawancara dengan En. M. Balasingam beralamat No. 98, Lorong 64, Taman Petani Jaya, Sungai Petani, Kedah. Beliau berusia sekitar 65 tahun. Beliau merupakan penganut Hindu yang kerap melakukan kegiatan keagamaan di candi ini.

⁹⁹ Konsep candi apit adalah lazim ditemui di dalam pembinaan sesebuah candi. Di Lembah Bujang candi lama seperti di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang) terdapat dua buah candi apit yang diduga berperanan sebagai pengawal kepada candi utama serta berperanan untuk mengusir segala roh halus yang berniat jahat terhadap candi utama. Temuan baru-baru ini di sekitar Candi Tapak 8 juga telah menunjukkan candi ini juga mempunyai sebuah candi apit. Lihat perbincangan pada bab ini di hlm. 224.

¹⁰⁰ Lihat foto 88 .

bahagian bawah. Di bahagian hadapan daripada halaman *vimana* terdapat *palipedam* yang menempatkan *lingga* dan juga haiwan berbentuk *akhu*.¹⁰¹ *Akhu* ini berperanan sebagai *vahana* yang akan membawa segala permasalahan yang diajukan oleh penganut Hindu untuk dibawa kepada dewi Mariamman yang berada pada bahagian *vimana*. Pada bahagian tepi daripada struktur halaman *vimana* terdapat saluran *somasutra* yang berbentuk seperti belalai gajah. Pada waktu upacara keagamaan dilakukan di candi ini atau lebih tepatnya sewaktu arca Ganesha dimandikan maka air berkenaan akan ditadah oleh penganut Hindu untuk tujuan kesuburan dan juga kemakmuran di dalam kehidupannya.

Pada sekeliling halaman *vimana* candi ini diletakkan arca Ganesha dengan berbagai bentuk dan ukuran. Bermula pada dinding bahagian timur terdapat arca Ganesha dengan posisi berdiri di atas *padma* dan memakai mahkota pada bahagian kepalanya. Arca Ganesha ini mempunyai empat tangan dengan dua daripadanya tangan berkenaan memegang senjata seperti *parasu* dan juga tali. Sementara tangan bahagian bawah pula sebelah kiri memegang *kalam* dan tangan kanannya berada di dalam posisi *abhayamudra*.¹⁰² Pada bahagian bawahnya terdapat arca *akhlu* yang merupakan *vahana* yang mengiringi dewa Ganesha. Belalai arca Ganesha ini mengarah ke bahagian kiri.¹⁰³

Pada bahagian barat dinding candi berkenaan terdapat arca Ganesha dalam keadaan sedang duduk. Posisi kakinya adalah *maharajalalita*. Arca Ganesha ini masih lagi mahkota pada bahagian kepalanya tetapi tiada tanda-tanda perlambangan *ardhachandrakapala*. Arca ini mempunyai empat tangan dengan dua daripada tangan berkenaan sedang memegang senjata seperti *parasu* dan juga tali pemukul sementara pada bahagian tangan kirinya memegang tablet keagamaan. Posisi tangan bahagian

¹⁰¹ Lihat foto 89 .

¹⁰² Lihat foto 90.

¹⁰³ Lihat foto 90 .

kanan seperti memanggil penganut Hindu untuk menghampirinya.¹⁰⁴ Belalainya pula mengarah ke bahagian kiri dan terdapat seakan *kamandhalu* yang berisikan bunga.

Arca Ganesha yang ditempatkan di bahagian utara adalah dalam keadaan sedang menari.¹⁰⁵ Ianya mempunyai empat tangan di antaranya memegang *parasu*, tali, memegang gadingnya yang patah (pada bahagian kanan) serta memegang *mantra*. Di hadapan daripada candi apit yang menempatkan arca Ganesha terdapat perlambangan yang dikaitkan dengan dewa Wisnu. Hal ini berdasarkan kepada *vahana* Kurma (*dipa-pitha*) ataupun kura-kura yang merupakan salah satu daripada *vahana* yang mengiringi dewa Wisnu. Kurma ini mengarah hadap ke selatan dengan di bahagian kepalanya terdapat ular senduk serta mendukung bentuk persegi empat sementara pada bahagian atasnya terdapat *padma*.¹⁰⁶ Perlambangan ini juga mempunyai unsur mitologi sewaktu dewa Wisnu cuba mendapatkan air kehidupan kepada para dewa.¹⁰⁷

Secara keseluruhannya arca Ganesha di candi ini berdasarkan kepada pengertiannya adalah dewa penghapus segala rintangan dan juga dewa ilmu pengetahuan. Beliau adalah anak kepada dewa Siwa yang berkahwin dengan Parwati

¹⁰⁴ Lihat foto 91 .

¹⁰⁵ Lihat foto 92.

¹⁰⁶ Sewaktu dewa Wisnu cuba mendapatkan *amrita* menentang raksasa yang menimbulkan kekacauan dimuka bumi Wisnu telah wujud sebagai seekor kura-kura dengan merentangi lautan susu sambil mendukung gunung Mahameru di atasnya. Di dalam melaksanakan tugasnya beliau telah dibantu oleh seekor ular dengan melilit di badannya agar tidak terjatuh ke dalam lautan susu. Penulis berpendapat perlambangan yang dimaksudkan dengan kurma tersebut merupakan perlambangan perwujudan dewa Wisnu, ular senduk melambangkan kepada ular yang telah membantunya dan segi empat di atasnya melambangkan gunung Mahameru. Lihat foto 93 .

¹⁰⁷ Mengikut mitologi, sewaktu merenangi lautan susu untuk mendapatkan air kehidupan di gunung Mandara bagi membantu para dewa menentang kejahatan, dewa Wisnu telah dibantu oleh Vasuki dan telah menjelmakan dirinya dalam bentuk separuh manusia pada bahagian atasnya dengan mempunyai empat tangan sementara bahagian bawahnya berbentuk seperti kura-kura.

disamping mempunyai adik yang bergelar dewa Subramaniam.¹⁰⁸ Penempatan candi ini pada bahagian tepi daripada struktur candi utama adalah berparasan untuk mengawal candi berkenaan daripada unsur jahat. Berdasarkan kepada hal tersebut maka candi ini masih lagi mempunyai unsur Siwa dan digabungkan dengan unsur dewa **Wisnu**.¹⁰⁹

6.5.4 Candi Thandai Yuvani (Subramaniam) (Jalan Kulim, Bukit Mertajam)

Candi ini terletak di Jalan Kulim, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Candi ini berusia sekitar 99 tahun. Candi ini dikhususkan kepada pemujaan dewa Subramaniam yang juga merupakan adik kepada dewa Ganesh. Candi Thandai Yuvani ini telah mengalami tambahan struktur binaan, walau bagaimanapun ianya dimasih dikalkan pada tapak asal. Juru bina yang terlibat di dalam pembinaan struktur tambahan ini didatangkan khas daripada India dan sami yang menjalankan kegiatan keagamaan yang penting juga didatangkan khas daripada India.

Candi ini mempunyai halaman yang terbuka dengan didukung oleh dua belas tiang. Sementara pada halaman *vimana* yang menempatkan arca dewa Subramaniam terletak pada bahagian tengah halaman *vimana*.¹¹⁰ Walaupun candi ini telah mengalami pembinaan kembali tetapi beberapa struktur asal bangunan ini tetap dikalkan di antaranya adalah bahagian dasar kaki tangga untuk memasuki

¹⁰⁸ Dewa Subramaniam di dalam penelitian penulis terhadap candi purba di Lembah Bujang belum menjumpai sebarang bukti mengenai perwujudannya sebagai salah satu anutan di Lembah Bujang pada waktu tersebut disamping tiada sebarang data artifak untuk memperkuatkannya.

¹⁰⁹ Sepanjang survey yang telah dilakukan oleh penulis ke atas candi baru yang berselerakan di Lembah Bujang dan juga di kawasan di dalam lingkungan 60 hingga 80 km daripada Lembah Bujang tiada sebuah candi pun yang mempunai ciri pemujaan terhadap dewa Brahma. Hal yang sama dapat dilihat pada peninggalan artifak yang telah dikumpulkan oleh penyelidik awal di Lembah Bujang bermula tahun 1845 oleh Kolonel James Low sehingga diambil alih oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara tiada satupun bercirikan kepada dewa Brahma baik daripada segi arca, *sakhti* maupun *vahananya*.

¹¹⁰ Lihat foto 94.

disamping mempunyai adik yang bergelar dewa Subramaniam.¹⁰⁸ Penempatan candi ini pada bahagian tepi daripada struktur candi utama adalah berpararanan untuk mengawal candi berkenaan daripada unsur jahat. Berdasarkan kepada hal tersebut maka candi ini masih lagi mempunyai unsur Siwa dan digabungkan dengan unsur dewa Wisnu.¹⁰⁹

6.5.4 Candi Thandai Yuvani (Subramaniam) (Jalan Kulim, Bukit Mertajam)

Candi ini terletak di Jalan Kulim, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Candi ini berusia sekitar 99 tahun. Candi ini dikhkusukan kepada pemujaan dewa Subramaniam yang juga merupakan adik kepada dewa Ganesha. Candi Thandai Yuvani ini telah mengalami tambahan struktur binaan, walau bagaimanapun ianya dimasih dikekalkan pada tapak asal. Juru bina yang terlibat di dalam pembinaan struktur tambahan ini didatangkan khas daripada India dan sami yang menjalankan kegiatan keagamaan yang penting juga didatangkan khas daripada India.

Candi ini mempunyai halaman yang terbuka dengan didukung oleh dua belas tiang. Sementara pada halaman *vimana* yang menempatkan arca dewa Subramaniam terletak pada bahagian tengah halaman *vimana*.¹¹⁰ Walaupun candi ini telah mengalami pembinaan kembali tetapi beberapa struktur asal bangunan ini tetap dikekalkan di antaranya adalah bahagian dasar kaki tangga untuk memasuki

¹⁰⁸ Dewa Subramaniam di dalam penelitian penulis terhadap candi purba di Lembah Bujang belum menjumpai sebarang bukti mengenai perwujudannya sebagai salah satu anutan di Lembah Bujang pada waktu tersebut disamping tiada sebarang data artifak untuk memperkuuhkannya.

¹⁰⁹ Sepanjang survey yang telah dilakukan oleh penulis ke atas candi baru yang berselerakan di Lembah Bujang dan juga di kawasan di dalam lingkungan 60 hingga 80 km daripada Lembah Bujang tiada sebuah candi pun yang mempunai ciri pemujaan terhadap dewa Brahma. Hal yang sama dapat dilihat pada peninggalan artifak yang telah dikumpulkan oleh penyelidik awal di Lembah Bujang bermula tahun 1845 oleh Kolonel James Low sehingga diambil alih oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara tiada satupun bercirikan kepada dewa Brahma baik daripada segi arca , *sakhti* maupun *vahananya*.

¹¹⁰ Lihat foto 94.

bangunan candi terdapat susunan batu granit persegi empat yang agak memanjang (ianya adalah struktur daripada bangunan asal candi berkenaan).¹¹¹

Palipedam candi ini terdiri daripada *lingga* dan juga *vahana* kepada dewa Subramaniam iaitu burung merak. Seperti peranan *lingga* lainnya yang terdapat pada struktur *palipedam* candi baru, ianya merupakan tempat untuk penganut Hindu menumpukan sepenuh perhatian dan membuang segala ingatan terhadap dunia luar serta menumpukan sepenuh perhatian terhadap upacara keagamaan yang ingin dilaksanakan. Segala hajat yang ingin disampaikan kepada dewa Subramaniam akan dibawa oleh burung merak yang terdapat di *palipedam*.¹¹² Pada sebelah kiri dan kanan daripada pintu candi dikawal oleh Dwarabalagam yang digambarkan mempunyai empat tangan. Dua di antaranya memegang senjata tali sebagai alat pemukul dan *gada* yang dipegang mengarah ke bawah.¹¹³

Pada setiap upacara keagamaan penting yang dilaksanakan di candi ini didahului dengan memandikan arca dewa Subramaniam dengan menggunakan sama ada air biasa ataupun air susu dan air berkenaan akan disalurkan kepada *somasutra* untuk digunakan oleh penganut Hindu untuk tujuan kesuburan dan kemakmuran di dalam kehidupan sehari-hari. Batu *somasutra* di candi ini diperbuat daripada batu granit dan merupakan salah satu daripada bahan asal candi berkenaan¹¹⁴ selain daripada batu tangga untuk memasuki halaman candi. Selain daripada peranan *somasutra* di dalam upacara keagamaan dilangsungkan juga berkaitan rapat dengan peranan *yoni*¹¹⁵ di candi ini dimana pada bahagian tengahnya terdapat besi yang ditajamkan bagi tujuan untuk mendapatkan air kelapa sewaktu dipecahkan di

¹¹¹ Lihat foto 95 .

¹¹² Lihat foto 96 .

¹¹³ Lihat foto 97 .

¹¹⁴ Lihat foto 98.

¹¹⁵ Lihat foto 99.

atasnya. Setelah kelapa berkenaan dipecah maka airnya akan mengalir pada bahagian hujung *yoni* untuk ditadah oleh penganut Hindu untuk tujuan diminum ataupun untuk tujuan yang berkaitan dengan tujuan keagamaan.¹¹⁶ Secara keseluruhannya candi ini masih lagi berkonseptan kepada pengaruh dewa Siwa memandangkan tokoh dewa Subramaniam yang menjadi objek pemujaan adalah adik kepada dewa Ganesha yang juga anak kepada dewa Siwa dan dewi Parwati

6.5.5 Candi Sri Maha Mariamman Dhavasthanam (Butterworth)

Candi ini terletak di bandar Butterworth dan diperkirakan berusia sekitar 90 tahun. Seperti candi baru Hindu yang lainnya candi ini juga mempunyai *palipedam* berbentuk seperti *lingga* dan bersebelahannya terdapat haiwan singa dengan posisi seperti bersedia untuk menerkam mangsanya. Singa ini merupakan *vahana* kepada dewi Maryaman yang terdapat pada halaman *vimana*. Dewi Maryaman merupakan tokoh utama di candi ini dan menjadi tumpuan utama penganut Hindu untuk memohon sesuatu hajat ataupun untuk membayar niat serta yang berkaitan dengan upacara keagamaan.

¹¹⁶ Berdasarkan kepada wawancara dengan En. Buminathan beralamat Tasik Gelugur, Kepala Batas, berusia sekitar 36 tahun dan berpekerjaan sebagai seorang sami di candi ini menjelaskan sewaktu upacara pemecahan kelapa dilakukan ianya hanya untuk mengambil bahagian atas kelapa yang mempunyai tiga mata sementara bahagian bawah kelapa berkenaan akan dibuang. Hal tersebut adalah sebagai perlambangan tiga dewa utama di dalam ajaran Hindu iaitu dewa Brahma, dewa Siwa dan dewa Wisnu. *Lingga* pula adalah sebagai perwujudan kepada dewa Siwa sementara *yoni* adalah perlambangan isterinya (wanita). Pergabungan di antara kedua-dua unsur berkenaan akan melambangkan sebagai unsur kesuburan dan juga memakmurkan. Salah satu contoh yang paling ketara di Lembah Bujang berdasarkan kepada *lingga* dan *yoni* yang dipasangkan secara bersama adalah seperti yang ditemui di Tapak 4 (Estet Sungai Batu / Sungai Batu) dan peranannya juga sama di mana *lingga* dan *yoni* adalah sebagai unsur yang pertinggi dalam upacara keagamaan bagi penganut Sivais. *Lingga* telah dibentuk dalam keadaan bulat dan ini menunjukkan perlambangan yang hanya diwujudkan untuk dewa Siwa. Lihat foto 50 dan 53.

Pada bahagian kiri dan kanan pintu memasuki halaman *vimana* candi terdapat dua arca wanita yang dikenali sebagai Dwarasakti. Arca ini mempunyai atribut mahkota yang berbentuk seperti *ratna*. *Ratna* adalah perlambangan kepada unsur keagamaan Hindu yang lazimnya diletakkan di atas struktur candi. Perlambangan *ratna* ini juga yang membezakan di antara candi yang berunsur Hindu dan Buddha (diwakili dengan bentuk *stupa*). Arca ini mempunyai dua tangan dan kedua-dua tangan tersebut memegang senjata pisau pada tangan sebelah kiri sementara pada tangan sebelah kanan memegang *gada* yang mengarah ke bahagian bawah.¹¹⁷ Arca Dwarasakhti ini juga diiringi dengan *vahana* singa. Di antara atribut Dwarasakhti ini memakai anting-anting menyerupai siput. Tujuan arca ini ditempatkan pada bahagian kiri dan kanan candi adalah berperanan sebagai pengawal untuk mengusir roh jahat dan juga mengawal candi daripada gangguan roh halus.

Arca Mariamman diletakkan pada halaman *vimana* candi dan merupakan kawasan larangan untuk penganut Hindu mamasukinya melainkan golongan sami sahaja.¹¹⁸ Sebarang permohonan hajat hendaklah disampaikan / disalurkan kepada sami yang bertanggungjawab di atas urusan keagamaan untuk menyampaikannya kepada dewi Mariamman. Pada waktu permandian arca Mariamman dilakukan air akan disalurkan ke bahagian *somasutra* yang berada di samping struktur candi.¹¹⁹ Air ini akan ditadah dan juga digunakan untuk tujuan hajat si pemohon.

Upacara keagamaan yang biasa dilakukan adalah dengan mengelilingi candi sebanyak tiga kali yang dikenali sebagai *kamogani*. Pengertian daripada mengelilingi halaman *vimana* candi adalah untuk mendapatkan *icasakti* yang bererti kesukaan dan kegembiraan, *griyasakti* yang bererti keberanian dan *varsisakti* yang bererti fikiran. Pada bahagian hadapan halaman candi ini terdapat candi apit yang menempatkan

¹¹⁷ Lihat foto 100.

¹¹⁸ Hasil wawancara dengan En. M. Ramasamy berusia 47 tahun dan bertugas sebagai sami di candi ini.

¹¹⁹ Lihat foto 101 .

sembilan dewa penjaga peredaran galaksi.¹²⁰ Candi apit yang menempatkan dewa berkenaan adalah juga berperanan sebagai tempat bagi penganut Hindu untuk membuang unsur sial yang berada di dalam diri mereka. Dewa yang menjaga bahagian tengah mengawal unsur suria yang menjaga matahari, bahagian timur mengawal unsur *Cewcri* (pengaliran darah), bahagian barat mengawal unsur *Guru* (ilmu pengetahuan), bahagian utara mengawal unsur *Shukran* (Kegembiraan), bahagian timur laut mengawal unsur *Chandra* (bulan), bahagian tenggara mengawal unsur *Ragu* (gerhana), bahagian barat daya mengawal unsur *Kethu* (persemedian) dan bahagian barat laut mengawal unsur *Bhudan* (kesakitan atau tenaga).¹²¹ Sembilan dewa penjaga peredaran galaksi ini juga letaknya tidak jauh dengan bentuk batu persegi empat yang mempunyai sembilan lubang.¹²² Batu yang berbentuk sembilan lubang ini berperanan sebagai sembilan dewa yang menjaga sembilan planet utama. Sewaktu upacara penolakan bala dilakukan maka batu persegi empat ini akan digunakan sebagai tumpuan upacara dan kesembilan lubang berkenaan akan diisi dengan bahan keagamaan.¹²³ Secara keseluruhannya candi ini mempunyai pengaruh daripada kepercayaan dewa Siwa memandangkan arca pemujaan utama adalah dewi Mariamman yang juga merupakan isteri kepada dewa Siwa.

6.5.6 Candi Sri Muniswaran (Jalan Hospital Sungai Petani)

¹²⁰ Lihat foto 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109 dan 110

¹²¹ Hasil wawancara dengan En. M. Ramasamy berusia 47 tahun dan betugas sebagai sami di candi ini.

¹²² Lihat foto 112 .

¹²³ Berdasarkan kepada artifak yang disimpan di Muzium Arkeologi Lembah Bujang batu persegi empat ini juga mempunyai sembilan lubang dan lubang yang berada di bahagian tengah adalah yang terbesar. Ianya dikenali sebagai cepu batu ataupun relikuari. Kegunaan relikuari diduga sebagai wadah menyimpan abu jenazah pembesar ataupun raja sementara lapan lubang yang mengelilinginya diisi dengan barang berharga seperti emas sebagai perlambangan bersatunya di antara roh pembesar ataupun raja dengan para dewa. Walau bagaimanapun pentafsiran ini mungkin kurang tepat kerana berdasarkan pengamatan di candi / kuil Sri Mariamman Dhavasthanam adalah jelas menunjukan candi tersebut tidak berfungsi sebagai sebuah makam. Lihat perbincangan penulis dalam halaman 229 bab ini.

Candi ini terletak di Jalan Hospital Sungai Petani, Kedah dan ianya berusia sekitar 100 tahun. Sewaktu kajian survei dilakukan oleh penulis candi ini berada di dalam proses pemberkahan kembali. Tumpuan kajian hanyalah tertumpu kepada arca yang terdapat di halaman *vimana* candi yang diduga oleh penulis dapat dilakukan perbandingan dengan arca yang terdapat di Lembah Bujang. Kajian pertama tertumpu kepada *somasutra* yang masih berada di dalam simpanan penjaga candi. *Somasutra* berkenaan berbentuk seperti belalai gajah yang menjulur ke bawah.¹²⁴ Peranan *somasutra* ini adalah untuk mengalirkan air keluar daripada halaman *vimana* sewaktu upacara pemandian arca dilakukan. Arca yang terletak pada bahagian halaman *vimana* dan menjadi arca utama adalah arca dewa Muniswaran.

Kajian keduanya adalah bertumpu kepada bahagian batu granit yang telah dibentuk dengan lubang. Batu granit pertamanya adalah berbentuk persegi empat dan memanjang serta ditebuk dengan dua buah lubang secara berasingan.¹²⁵ Berdasarkan kepada kajian penulis terhadap candi sebelumnya bahagian ini diduga berperanan sebagai *palipedam* iaitu bekas tempat diletakkan *lingga* dan juga *vahana* yang mengiringi dewa utama yang berada di halaman *vimana*.

Batu granit keduanya adalah batu yang berbentuk persegi empat dengan kesan tebukan pada bahagian tengahnya sementara pada bahagian tepinya telah ditambah dengan unsur moden iaitu konkrit. Menurut kepercayaan pengikut Hindu di candi ini pada bahagian tengah batu granit yang terdapat kesan pahatan / tebukan sebenarnya dibuat untuk meletakkan kepingan daripada emas yang bertulis pada bahagian atasnya dengan mantra keagamaan lalu ditanam di bahagian tebukan lubang

¹²⁴ Lihat foto 113.

¹²⁵ Batu berbentuk persegi empat tersebut diperbuat daripada batu granit dan mempunyai persamaan dengan batu bertebuk yang dijumpai di Lembah Bujang sewaktu kegiatan galicari dilakukan ataupun ditemui melalui survei. Peranan batu tersebut jika di hubungkan dengan candi di Lembah Bujang ianya berperanan sebagai asas pelapik tiang struktur candi dan sebahagiannya berperanan juga sebagai asas untuk meletak arca ataupun patung. Lihat foto 114.

berkenaan.¹²⁶ Pada bahagian atasnya pula akan diletakkan arca untuk tujuan pemujaan. Masyarakat penganut Hindu mempercayai batu granit ini merupakan batu hidup berdasarkan kepada kepercayaan sewaktu batu ini cuba dipindahkan untuk kerja-kerja baikpulih candi ianya tidak dapat dikeluarkan daripada tempat asalnya dan setelah upacara keagamaan dilakukan barulah ianya dapat dikeluarkan. Batu granit ketiga yang terdapat di candi ini juga terdapat kesan tebukan pada bahagian tengahnya dan dipercayai ianya adalah tempat untuk meletakkan arca yang berkaitan dengan unsur keagamaan.¹²⁷ Kesemua batu granit yang telah dibincangkan di atas adalah asal sejak daripada mula terbinanya candi ini dan didatangkan secara khusus daripada India.¹²⁸

Pada halaman hadapan daripada struktur candi yang sedang dalam proses baikpulih ini telah ditemui sebuah batu granit yang juga wujud bersamaan dengan candi ini sewaktu pertama kali dirikan.¹²⁹ Batuan ini berperanan sebagai tempat untuk penganut Hindu berniat membayar nazar ataupun mengucapkan terima kasih kepada dewa setelah melepassi segala halangan dan rintangan. Setelah itu individu berkenaan akan memecahkan sebutir kelapa yang telah disiatkan kulitnya untuk dipecahkan di atas batu tadi dengan sekali hentakan sahaja sehingga pecah. Sekiranya kelapa tersebut tidak mengalami pecah pada hentakan pertama merupakan penanda dewa menolak permintaan individu berkenaan ataupun sebagai penanda daripada dewa akan bencana yang bakal dihadapi oleh individu berkenaan. Lokasi batu tersebut tepat mengarah kepada pintu masuk candi berkenaan. Berdasarkan kepada kepercayaan keagamaan maka lokasi candi dan batu berkenaan tidak pernah diubah sama sekali semenjak candi ini pertama kali didirikan.

¹²⁶ Wawancara dengan En. T. Ramachandran berusia 72 tahun, beralamat di No.27 Jalan Kem Sungai Petani. Beliau bertugas sebagai sami di candi ini.

¹²⁷ Lihat foto 115 .

¹²⁸ Hasil wawancara dengan En. K. Veloo A / L Kannias berusia 61 tahun, beralamat di No.219 Taman Sri Putera, Sungai Petani. Beliau merupakan pengurus candi ini.

¹²⁹ Lihat foto 117 .

Walau bagaimanapun berdasarkan tuntutan peredaran masa maka beberapa pengubahsuaian telah dilakukan ke atas struktur candi ini dengan mengekalkan ciri yang lazimnya terdapat pada sesbuah pembinaan candi iaitu mengandungi bahagian kaki , badan dan atap candi.¹³⁰

6.5.7 Candi Sri Mariamman (Estet Sungai Batu)

Candi ini terletak di kawasan ladang getah Sungai Batu dan ianya berusia sekitar 100 tahun. Candi ini masih mengekalkan beberapa ciri yang mempunyai persamaan dengan peninggalan candi yang terdapat di Lembah Bujang. Candi ini menempatkan arca dewi Mariamman di halaman *vimana* dan pada bahagian masuk ke halaman *vimana* dihiasi dengan *kala* lengkap dengan taring, mata yang agak menonjol dan mulut dengan keadaan mengangga.¹³¹ Pada bahagian kiri dan kanan daripada struktur candi ini dikawal oleh Durgasakti yang mempunyai empat tangan dan salah satu daripada tangan berkenaan memegang *gada* yang diarahkan ke bahagian bawah. Sementara jari telunjuknya mengarah ke atas sebagai perlambangan agar penganut Hindu sebelum memulakan upacara keagamaan hendak membersihkan hati dan fikiran daripada hal-hal yang tidak bersangkutan dengan keduniaan.¹³²

Somasutra yang terdapat pada bahagian sisi struktur halaman *vimana* dibentuk berhiaskan pola hias katak¹³³ di mana sewaktu upacara keagamaan dilakukan termasuk sewaktu membersihkan / memandikan arca Mariamman air yang telah

¹³⁰ Lihat foto 118 .

¹³¹ Lihat foto 119.

¹³² Lihat foto 120 .

¹³³ Lihat foto 121 .

digunakan akan dialirkan melalui mulut katak berkenaan.¹³⁴ Struktur candi ini dapat dibahagiakan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian kaki candi, bahagian badan candi dan bahagian atap candi.¹³⁵ Pada bahagian yang mengadap halaman *vimana* ditempatkan *palipedam* dengan di atasnya terdapat unsur *lingga*.

6.5.8 Candi Sri Mariamman (Merbok)

Candi ini terletak berhampiran jalanraya yang menghubungkan pekan Merbok dan Bedong dan diperkirakan berusia 100 tahun. Candi ini telah dibina kembali di atas tapak candi asal sementara bahan keagamaan yang terdapat di dalamnya merupakan peralatan asal. Seperti candi baru lainnya yang menjadi objek kajian di halaman *vimana* candi ini ditempatkan arca dewi Mariamman. Berhadapan dengan halaman *vimana* ditempatkan *palipedam*¹³⁶ dengan di bahagian atasnya ditempatkan dengan arca singa dan juga unsur *lingga*. Di belakang daripada *palipedam* tersebut diletakkan sembilan loceng yang diduga oleh penulis mempunyai peranan yang hampir sama dengan perlambangan sembilan dewa yang menjaga peredaran galaksi. Di bahagian belakangnya pula ditempatkan pula dengan seekor Kurma yang digambarkan sedang mendukung lima tingkat yang berperanan sebagai tempat menampung minyak.¹³⁷ Apa yang menarik Kurma ini adalah merupakan *vahana* kepada dewa Wisnu. Sehubungan dengan hal tersebut di candi ini unsur pemujaan terhadap dewa Wisnu juga berperanan selain unsur yang berkaitan dengan dewa Siwa.

¹³⁴ Sejauh ini berdasarkan kepada penemuan *somasutra* pada candi purba di Lembah Bujang tiada satupun mempunyai bentuk haiwan melainkan bentuk yang yang kerap ditemui adalah memanjang. Contoh yang jelas adalah seperti *somasutra* yang ditemui di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) dan juga *somasutra* yang ditemui di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang)

¹³⁵ Berdasarkan kepada runtuhan candi purba di Lembah Bujang, bahagian atap candi agak sukar untuk ditemui tetapi bahagian kaki dan bahagian badan candi dapat ditemui. Berdasarkan kepada asas pelapik tiang yang diperbuat daripada batu adalah diduga bahagian badan dan atap candi purba di Lembah Bujang disokong oleh material kayu.

¹³⁶ Lihat foto 122.

¹³⁷ Lihat foto 125 .

Pada bahagian kiri dan kanan daripada halaman *vimana* dikawal oleh dua arca dwarasakti. Arca dwarasakti yang mengawal bahagian kanan mempunyai empat tangan dengan tiga daripada tangan berkenaan memegang senjata seperti *parasu*, tali dan juga *gada* yang di arahkan ke bahagian bawah sementara tangan yang satu lagi seakan mengajak penganut Hindu untuk menghampiri candi berkenaan. Arca dwarasakti yang mengawal bahagian kiri halaman *vimana*¹³⁸ mempunyai persamaan dengan arca *dwarapala* yang menjaga bahagian kanan tetapi pada salah satu daripada tangannya seakan meminta agar penganut Hindu menyatukan hati dan fikiran sebelum memulakan upacara keagamaan.¹³⁹ Artifak yang dapat dianggap sebagai menarik di candi ini adalah pahatan seorang dewi yang dipahat sedang duduk di atas *padma* pada kepingan yang menyerupai warna emas¹⁴⁰ dengan mempunyai empat tangan dan keempat-empat tangannya sedang memegang *padma*.¹⁴¹ Posisi kaki dewi ini adalah *yogasana*. Pahatan ini mempunyai sedikit persamaan dengan arca dewi yang dijumpai di dalam relikuari di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) di mana menggambarkan posisi dewi yang sedang duduk dengan posisi *yogasana* sementara tangannya juga memegang bunga teratai dan duduk di atas *padma* serta dipahat di atas kepingan emas.

Secara keseluruhannya perbandingan di antara candi yang terdapat di Lembah Bujang sekitar abad ke 9 hingga abad ke 14 Masehi mempunyai beberapa persamaan dengan peranan candi yang berusia di antara 80 hingga 100 tahun yang masih terdapat di sekitar Lembah Bujang. Perkembangan yang dapat diperbahaskan adalah dari segi seni bina bangunan, keduanya dari segi arca yang terdapat pada sesebuah bangunan candi dan yang ketiganya adalah komponen daripada bangunan candi.

¹³⁸ Lihat foto 123 .

¹³⁹ Lihat foto 124 .

¹⁴⁰ Lihat foto 127 .

¹⁴¹ Lihat foto 127 .

6.6 Perbandingan Dari segi Seni Bina Bangunan Candi

Berdasarkan kepada seni bina bangunan candi kuno di Lembah Bujang dan candi baru (hasil survei) jelas menunjukkan terdapat persamaan secara khusus terutamanya dari segi struktur candi yang berbentuk persegi empat yang mana dapat dibahagikan lagi kepada dua halaman yang sengaja dipisahkan berdasarkan kepada peranan yang dimainkan sewaktu upacara keagamaan sedang dilangsungkan. Halaman *vimana* dan juga *mandapa* turut dikenali pada struktur bangunan candi baru bahkan peranannya juga sama iaitu bahagian *vimana* untuk melakukan upacara yang bersifat suci sementara bahagian *mandapa* merupakan bahagian di mana setiap daripada penganut ajaran Hindu mempersiapkan diri sebelum memulakan sesuatu upacara keagamaan. Seperti juga pada candi di Lembah Bujang yang telah wujud semenjak abad ke 9 hingga abad ke 14 Masehi. Di bahagian *vimana* masih terdapat bahagian yang khusus di mana diletakkan arca dewa sebagai objek utama dilakukan pemujaan dan juga penyembahan. Di halaman ini hanya golongan Brahman sahaja yang dibenarkan untuk memasukinya sementara individu adalah dilarang memasukinya. Hal yang sama juga berlaku di kawasan khusus di mana arca utama iaitu dewi Mariamman diletakkan. Sementara untuk candi kuno di Lembah Bujang adalah dipercayai di bahagian tengah bangunan candi hanya diletakkan *lingga* berpasangan dengan *yoni*.

Halaman *mandapa* pula peranannya pada masa ini berdasarkan kepada survei yang telah dilakukan terhadap lapan buah candi yang berumur di antara 80 - 100 tahun di sekitar Lembah Bujang secara purata mempunyai bahagian *palipedem* iaitu merupakan bahagian di mana objek *lingga* diletakkan bersamaan dengan *vahana* seperti *akhlu* ataupun singa. *Palipedam* merupakan tempat di mana seseorang penganut Hindu membersihkan dirinya daripada segala kekotoran sebelum memulakan upacara keagamaan. Sementara *vahana akhu* dan juga singa bertindak sebagai kenderaan untuk menyampaikan hajat penganut kepada dewa/ dewi yang berada di tengah daripada halaman *vimana*.

Suatu lagi persamaan yang mempunyai peranan hampir sama adalah jumlah tangga yang terdapat di antara bahagian *vimana* dan juga *mandapa* serta bahagian yang memisahkan di antara kedua-duanya. Secara umum jumlah anak tangga pada kedua-dua bahagian berkenaan pada bahagian struktur candi baru turut mempunyai jumlah yang ganjil (iaitu dalam *odd numbers*, kebiasaannya berjumlah 3). Hal yang sama adalah jelas pada struktur tangga bangunan candi kuno di Lembah Bujang. Jumlah tangga candi pada bahagian *vimana* dan juga *mandapa* dengan jumlah ganjil berperanan sebagai pengusir roh jahat yang cuba untuk memasuki ke bangunan candi. Suatu perkara lagi yang amat menarik adalah mengenai candi apit. Kajian terhadap candi-candi baru telah menunjukkan bahawa candi Sri Maha Dhavasthanam mempunyai candi apit dan hal ini mempunyai kesamaan dengan hasil survei terbaru yang telah dilakukan di Bukit Batu Pahat juga menunjukkan Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) pada bahagian kiri dan kanannya terdapat sebuah candi yang masing-masing terdiri daripada bahan binaan terdiri daripada batu sungai dan juga batu-bata. Kedua-dua tapak ini telah diberi nama oleh penulis sebagai Tapak 8a (telah dimulai galicari pada bulan Jun 1997) dan juga 8b (direncanakan penggaliannya dilakukan pada pertengahan tahun 1998). Walau bagaimanapun struktur bangunan candi ini telah mula kelihatan pada bahagian permukaannya.

6.7 Perbandingan Dari Segi Seni Arca

Untuk perbandingan seni arca penulis hanya membataskan kepada arca yang berkaitan dengan dewa serta yang berhubungan sebagai pengapit kepada dewa utama. Arca dewa Siwa baik pada candi kuno di Lembah Bujang ataupun di candi baru yang disurvei tidak menunjukkan ciri yang jelas untuk diperbandingkan. Hal ini disebabkan di Lembah Bujang tiada sebarang arca dewa Siwa ditemui setakat ini. Berdasarkan kepada hal tersebut perlambangan yang dapat dilakukan perbandingan di antaranya adalah objek *lingga* yang ditemui di Tapak 4 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang) dan juga Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) sementara pada candi baru *lingga* berkenaan kerap ditemui di bahagian *palipedam*.

Lingga yang terdapat pada bahagian *palipedam* di struktur bangunan candi baru di sekitar Lembah Bujang tidak menampakkan sebarang tanda *Rudra-bhaga*, bahagian *Visnu-bhaga* ataupun bahagian *Brahma-bhaga* tidak kelihatan sama sekali sehingga ianya membentuk hiasan bulat daripada atas ke bawah. Bentuk *lingga* yang sedemikian mempunyai hubungan dengan pemujaan *linggapuja*.

Arca Ganesha yang terdapat di struktur bangunan candi baru kebanyakannya dilukis dengan dilengkapi atribut yang biasanya mengiringi dewa Ganesha. Di antaranya adalah seperti memakai *jatamahkota*, mempunyai perut yang buncit, mempunyai kepala gajah sementara bahagian badannya adalah manusia, bahagian tangan memegang *trisula*, ular senduk mengikat pada bahagian bahu dan bertindak sebagai *upawita*. Suatu hal yang membezakan di antara arca Ganesha di Lembah Bujang pada awal kemasukan pengaruh Hindu diperbuat daripada tanah liat yang dibakar atau dikenali sebagai *terracotta* (Tapak 19 Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) ataupun diperbuat daripada batu granit (Tapak 4 Estet Sungai Batu / Sungai Bujang). Berdasarkan kepada sistem pahatan yang terdapat didapati dan diduga arca yang ditemui di Lembah Bujang diperbuat oleh masyarakat tempatan dan ianya diperkuat dengan pola hiasan yang agak kasar.

Arca keduanya yang terdapat di bangunan candi baru yang telah disurvei adalah arca Durgasakti ataupun pada sebahagian candi dikenali sebagai Durgabalagam. Di Lembah Bujang arca berkenaan lebih dikenali sebagai *dwarapala* iaitu bertindak sebagai penjaga pintu serta bertindak sebagai pengusir segala roh jahat. Pada candi baru di sekitar Lembah Bujang ianya digambarkan secara puratanya mempunyai 4 tangan dan tiga di antaranya memegang gada serta ada juga yang diiringi dengan ular senduk. Sementara pada bahagian kepalanya memakai *jatamahkota*. Arca *dwarapala* yang ditemui di Lembah Bujang seperti yang telah dibahaskan pada Bab 4 jelas diperbuat daripada batu granit.

Seperti yang telah diketahui kebiasaannya arca *dwarapala* yang bertindak sebagai penjaga pintu candi diletakkan sepasang iaitu pada bahagian kiri dan juga kanan tetapi di Lembah Bujang arca berkenaan hanya ditemui satu sahaja. Kemungkinan juga arca pasangannya telah hilang tanpa dapat dikesan. Arca Durgasakti ataupun Durgabalagam pada struktur bangunan candi baru kebanyakannya ditemui secara berpasangan dengan posisi tangan di antara arca kanan berbeza dengan posisi tangan pada arca sebelah kiri. Arca Durgasakti yang ditempatkan di sebelah kanan kebiasaannya akan meletakkan jari telunjuknya ke bahagian tengah dada seperti membayangkan agar mengunjung candi berada di dalam keadaan membersihkan diri sementara arca Durga *sakhti* yang berada di bahagian kiri lazimnya mengarahkan jari seakan memanggil penganut Hindu untuk menghampiri candi. Pemujaan *sakhti*, seperti yang terdapat pada candi Sri Maha Mariamman berjumlah 7 buah yang dikaji oleh penulis menunjukkan bahawa pemujaan *sakhti* kepada dewa Siwa sememangnya diamalkan. Berhubung dengan perkara di atas, penulis berpendapat pemujaan terhadap *sakhti* seperti yang diamalkan di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) mempunyai persamaan. Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) pada pandapat penulis bukan sebuah candi *Tantrik* seperti yang telah dicadangkan oleh Lamb. Satu lagi ciri penting mengenai amalan agama Hindu yang telah penulis perhatikan di candi-candi baru iaitu terdapat pemujaan dewa Wisnu, walaupun tidak begitu luas diamalkan berbanding dengan pemujaan yang ditujukan kepada dewa Siwa atau *sakhtinya*. Di candi Sri Maha Mariamman dan candi pemujaan dewa Wisnu di sini ditandai oleh arca Kurma, iaitu *vahana* kepada dewa Wisnu. Hal ini mempunyai kesamaan dengan arca Kurma yang telah ditemui pada Tapak 4 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang) yang juga merupakan perlambangan kepada *vahana* kepada dewa Wisnu.

Begitu juga dengan hiasan *kala* yang ditemui hampir pada kesemua candi-candi baru yang telah disurvei oleh penulis. Hiasan *kala* ini juga terdapat pada beberapa candi kuno yang terdapat di Lembah Bujang seperti pada Tapak 18 dan

Tapak 33 (sebagai pemegang tangga), Tapak 21 / 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) dan Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang). Hiasan *kala* seperti yang telah dihuraikan sebelumnya berperanan untuk memelihara bangunan candi daripada dimasuki oleh roh jahat.

Perbezaan yang terdapat di antara candi / kuil baru dengan candi kuno di Lembah Bujang adalah berdasarkan kepada perwujudan dewa dan dewi sebagai objek pemujaan. Sebagai contohnya dewa Subramaniam (anak kepada dewa Siwa dan dewi Parwati serta adik kepada Ganesha) dan pemujaan dewi Mariamman dengan *vahananya* singa dipuja oleh penganut-penganut Hindu pada waktu kini, tetapi kedua-dua dewa ini tidak terdapat pada zaman Hindu-Buddha di Lembah Bujang sekitar abad ke 9 hingga abad ke 14 M.

6.8 Perbandingan Komponen Di Antara Struktur Candi

Perbandingan komponen yang dimaksudkan pada struktur bangunan candi di sini adalah *somasutra* dan juga upacara keagamaan yang dapat dikesan pelaksanaannya sehingga ke hari ini. *Somasutra* merupakan salah satu daripada ciri seni bina yang terdapat pada sesebuah candi kuno ataupun candi / kuil baru. *Somasutra* dapat dikesan berdasarkan kepada fungsinya yang berperanan sebagai saluran air untuk dialirkan keluar daripada bangunan sakral candi di mana para penganut akan menanti air yang dialirkan untuk kegunaan / kepercayaan maksud kesuburan. Di antara tapak arkeologi di Lembah Bujang yang telah dijumpai *somasutra* adalah di Tapak 4 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang), Tapak 5 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang), Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) dan Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang).¹⁴²

Pada masa kini *somasutra* yang terdapat pada struktur bangunan candi baru juga berperanan sebagai saluran air yang dialirkan sama ada susu ataupun air biasa

¹⁴² Lihat foto 55, foto 50, foto 58 dan foto 59.

yang digunakan untuk memandikan arca induk di bahagian tengah bangunan sakral dan air tersebut akan digunakan untuk tujuan kemakmuran. *Somasutra* yang terdapat pada struktur baru juga berperanan sama seperti *somasutra* yang terdapat pada struktur candi kuno di Lembah Bujang di mana ianya ditemukan pada bahagian dinding candi untuk memudahkan penganut menunggu air yang bakal dialirkan. Cuma yang agak membezakan *somasutra* kuno di Lembah Bujang dengan *somasutra* pada struktur bangunan candi baru adalah terdapatnya pola hiasan seperti kepala singa ataupun katak.

Struktur bahagian sakral pada bangunan candi baru di Lembah Bujang yang dipilih untuk tujuan perbandingan menunjukkan bahawa peranan mengelilingi candi bahagian sakral sebanyak 3 kali masih lagi berlangsung dan ianya dikenali sebagai *kamogani*. Tujuan daripada melakukan *kamogani* adalah untuk mendapatkan *icasakti*, *griyasakti* dan *varsisakti* selain daripada untuk berdoa ataupun melepaskan niat. Pada upacara kuno di sesebuah candi upacara mengelilingi candi dibahagikan kepada dua iaitu bergantung kepada arah mula pergerakan sama ada daripada kiri ke kanan atau daripada kanan ke kiri. Pergerakan daripada kiri ke kanan diertikan sebagai *pradaksina* iaitu yang berkaitan dengan unsur kematian sementara upacara yang bermula daripada kanan ke kiri dikenali sebagai *prasawya* iaitu yang berkaitan dengan kesejahteraan yang diperolehi.

Artifak *ritual* merupakan salah satu komponen penting di dalam sesebuah candi. Artifak yang akan dibincang di sini adalah relikuari berbentuk persegi empat yang diperbuat daripada batu granit dengan sembilan lubang di dalamnya. Relikuari-relikuari yang pernah ditemui di tapak candi kuno di Lembah Bujang, umpamanya di Tapak 8 telah ditanam di bahagian atas bangunan candi. Artifak ini juga telah ditemui di candi / kuil Sri Maha Mariamman Dhavasthanam di mana relikuarinya difahamkan diisi dengan bahan keagamaan bila pemujaan / upacara keagamaan dilaksanakan. Setiap lubang ini dikaitkan dengan salah satu daripada sembilan dewa yang menjaga sembilan planet (cakrawala) utama. Dengan erti kata lainnya,

relikuari yang mempunyai sembilan lubang di dalamnya berkait rapat dengan konsep kosmologi penganut-penganut Hindu ajaran Saivism. Candi / kuil baru ini merupakan salah sebuah candi yang pemujaan diutamakan kepada *sakhti* (Dewi Mariamman) iaitu salah satu daripada isteri dewa Siwa.

Di Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) dan Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) relikuari daripada batu granit dengan sembilan lubang di dalamnya telah dijumpai (hanya di Tapak 19 relikuarinya hanya tinggal separuh sewaktu ditemui kerana telah pecah). Dalam kes relikuari di Tapak 8 (Bukit batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) ianya telah ditanam di bahagian atas bangunan candi. Berhubung dengan apa yang telah dikaji oleh penulis berdasarkan pengamatan terhadap candi / kuil baru, penulis berpendapat relikuari dengan sembilan lubang di dalamnya seperti dari Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) dan Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) sememangnya mempunyai kaitan rapat dengan konsep kosmologi dalam ajaran / agama Hindu. Hal ini dengan jelas membuktikan bahawa Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) dan kebanyakan candi di Lembah Bujang adalah kuil Hindu dan bukannya sebagai makam raja seperti yang terdapat di Jawa kuno (Zaman Kerajaan Sailendra). Tambahan pula berdasarkan kepada survei yang telah dilakukan oleh penulis di dalam lingkungan 1 km sekeliling Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) telah menjumpai dua buah tapak yang diduga sebagai struktur candi yang diperbuat daripada batu sungai dan juga batu-bata pada bahagian kiri dan kanan Candi Tapak 8. Berdasarkan kepada hal ini membuktikan Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) mempunyai candi apit yang lazimnya dimiliki oleh candi pengaruh Hindu.

Kajian terhadap peninggalan arkeologi di Lembah Bujang telah memberikan kepada kita suatu gambaran terhadap zaman Hindu Buddha di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun gambaran yang diberikan tidak dapat dikira sebagai suatu gambaran yang lengkap. Hal ini disebabkan banyak tinggalan arkeologi telah musnah

atau tidak dapat lagi dikesan (sebahagian daripada tapak-tapak telah musnah akibat kegiatan pembangunan) ataupun telah musnah akibat proses luluhawa umpamanya arca-arca dan inskripsi batu yang ditemui. Penulis terpaksa menggunakan pendekatan etno-arkeologi bagi mendapatkan gambaran yang sebenarnya berdasarkan amalan upacara keagamaan di candi-candi Hindu sekarang dan berdasarkan daripada maklumat tersebut penulis sedikit sebanyak telah dapat melihat / memahami terhadap beberapa kesamaran data arkeologi pada zaman Hindu Buddha di Lembah Bujang. Di antara gambaran yang dapat diangkat oleh penulis adalah pemujaan terhadap *sakhi* yang diduga telah diamalkan di Lembah Bujang sekitar abad ke 9 hingga 14 M (berdasarkan temuan artifak di dalam relikuari). Kebanyakan daripada data-data arkeologi ini dapat dikenalpasti setelah penulis melihat / memerhati apa yang terdapat di candi-candi baru.

Perbincangan di dalam tesis ini telah menunjukkan betapa pentingnya kajian arkeologi di Lembah Bujang. Kesedaran terhadap kepentingan data arkeologi ini mesti dipertingkatkan lagi supaya data-data arkeologi tersebut tidak musnah dan pupus. Berdasarkan kepada kepentingan peninggalan serta data arkeologi / benda purba kepada warisan budaya bangsa di mana ianya merupakan khazanah yang dapat melambangkan ketamadunan sesuatu bangsa selain daripada penunjang kepada data sejarah yang sedia ada maka kerajaan Malaysia telah meluluskan satu akta di mana pelaksanaannya dilakukan melalui agensi pelaksananya iaitu Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara. Sehubungan dengan hal tersebut Lembah Bujang yang merupakan salah satu daripada tapak peninggalan sejarah yang melalui proses galicari arkeologi semenjak tahun 1840 an sehingga kini telah menemukan pelbagai artifak yang tiada duanya di Malaysia sebagai tapak ketamadunan awal masyarakat Melayu Kedah Tua dan sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang terawal di Malaysia telah mendorong perlindungan terhadap tapak penyelidikannya dikawal disamping melindungi beberapa tapak yang diduga kemungkinan akan menampakkan perkaitannya dengan tapak yang telah digalicari di Lembah Bujang daripada dicerobohi.

Di dalam memelihara warisan budaya bangsa setiap individu sebenarnya memainkan peranan yang sama beratnya dengan para penyelidik. Individu yang menghargai artifak yang membuktikan bangsa Malaysia mempunyai ketamadunannya yang unik sekitar abad ke 4 hingga abad ke 14 , di dalam kes ini sebarang peninggalan artifak yang telah ditemui di Lembah Bujang haruslah dilaporkan temuannya kepada :

(1) "... Penghulu atau Penggawa... atau kepada Pegawai Daerah dan Pegawai Daerah hendaklah memberi resit baginya "

(4) dan (5) "... hendaklah menyampaikan laporan mengenainya kepada Ketua Pengarah¹⁴³

Kesalahan sekiranya tidak melaporkan temuan yang disifatkan sebagai warisan budaya dan menyimpannya adalah melanggar peraturan dan dapat dikenakan tindakan penjara tidak melebihi tiga bulan atau didenda tidak melebihi lima ratus atau kedua-duanya sekali.¹⁴⁴

¹⁴³ Undang-undang Malaysia Akta 168 Akta Bendapurba 1976 (Tarikh diterbitkan dalam warta 25 Mac 1976) hlm. 8.

¹⁴⁴ Ibid.

PENUTUP

Lembah Bujang merupakan salah satu daripada pusat perdagangan dan keagamaan yang awal di Semenanjung Malaysia. Perkara ini telah dibuktikan dengan jelas berdasarkan kepada peninggalan arkeologi yang begitu banyak dijumpai seperti candi serta artifak perdagangan seperti tembikar tanah, celadon, porselin, manik dan *stoneware*. Disamping itu terdapat juga beberapa sumber bertulis asing seperti karya India, laporan-laporan pengembara Cina dan catatan ahli geografi Arab yang pernah menyentuh mengenai pusat perdagangan ini. Penglibatan perdagangan maritim di kawasan ini juga telah dibuktikan oleh jumpaan beberapa inskripsi Sanskrit di sekitar Lembah Bujang. Contoh inskripsi yang paling penting sebagai bukti penglibatan Lembah Bujang dalam perdagangan maritim adalah inskripsi Buddhagupta. Berdasarkan kajian terhadap peninggalan-peninggalan arkeologi ini dapatlah disimpulkan bahawa perkembangan perdagangan yang berlaku di Lembah Bujang adalah sekitar abad ke 5 sehingga abad ke 14 M. Perkembangan perdagangan ini banyak dibantu oleh keadaan geografi Lembah Bujang yang berkeadaan semula jadi seperti Gunung Jerai yang merupakan gunung tertinggi di Kedah telah berperanan sebagai pedoman kepada kapal-kapal yang ingin singgah di pelabuhannya. Tambahan pula kawasan Lembah Bujang mempunyai sistem saliran yang menghubungkan kawasan pedalaman dan juga kawasan pinggir pantai sehingga memudahkan golongan pedagang melayarinya. Di antara sungai yang telah memainkan peranan yang penting pada waktu tersebut adalah Sungai Muda, Sungai Merbok Kecil dan Sungai Bujang. Di situ lah ditemui (terutama pada bahagian tebing sungai) banyak peninggalan candi-candi berpengaruh Hindu dan Buddha. Berdasarkan kepada catatan yang telah dibahas pada Bab 1 pedagang yang diketahui telah melakukan perdagangan di Lembah Bujang (Kedah Tua) adalah daripada India, Cina dan juga daripada Arab. Lembah Bujang pada waktu itu dikenali dikalangan para pedagang sebagai *Kataha, Chieh-cha* dan *Kalah*.

Perkembangan perdagangan ini secara tidak langsung telah turut membantu ke arah perkembangan pengaruh India ke Lembah Bujang, hal ini telah dibuktikan oleh peninggalan-peninggalan candi berunsur Hindu dan Buddha serta artifak-artifak yang berhubungan dengan amalan-amalan kedua-dua ajaran tersebut. Oleh yang demikian ramai di kalangan para sarjana terdahulu telah berpendapat bahawa proses yang dikenali sebagai Indianisasi telah berlaku di kawasan ini. Di sekitar Lembah Bujang sehingga ke hari ini sejumlah 41 buah tapak arkeologi / Tapak Tanah Bersejarah telah dikenal pasti mengandungi peninggalan struktur atau jumpaan artifak sama ada yang berkaitan dengan perdagangan atau yang berkaitan dengan artifak keagamaan atau mempunyai struktur bangunan candi dan daripada jumlah tersebut sebanyak 8 buah candi telah dapat direkonstruksi kembali iaitu candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil), Tapak 16 (Kampung Pendiat / Sungai Bujang), Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang), Tapak 21 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang), Tapak 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang), Tapak 11/3 (Ladang Sungai Batu / Sungai Bujang), Tapak 5 (Ladang Sungai Batu / Sungai Bujang) dan Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) sementara Tapak 31 (Kampung Permatang Pasir / Sungai Muda) telah dibiarkan seperti keadaan asal. Berdasarkan kepada peninggalan struktur candi yang terdapat di Lembah Bujang boleh dirumuskan di sini bahawa candi-candi Hindu dan Buddha dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu halaman *vimana* dan *mandapa* yang bersambung serta halaman *vimana* dan *mandapa* yang tidak bersambung. Candi yang mempunyai bahagian kedua-duanya bersambung adalah Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil), Candi Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang), Candi Tapak 5 (Ladang Sungai Batu / Sungai Bujang) dan Candi Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang). Manakala candi yang hanya terdiri daripada satu struktur sahaja tanpa bergabung di antara bahagian *vimana* dan *mandapa* adalah Candi Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) dan Candi Tapak 16 (Kampung Pendiat / Sungai Bujang).

Sebenarnya istilah Indianisasi tidak sesuai digunakan untuk menghuraikan perkembangan sejarah Lembah Bujang pada zaman kedatangan pengaruh daripada India . Pertama, memang tidak wujud sebuah koloni (jajahan) India di Lembah Bujang (yang pernah dicadangkan oleh Quaritch-Wales). Keduanya, kajian seni bina candi di Lembah Bujang telah menunjukkan beberapa ciri tempatan terutamanya dari aspek asas pelapik tiang dan ketiganya adalah dari segi pembuatan arca yang amat kasar sekali sehingga penulis menduga ianya dilakukan oleh pemahat tempatan dengan mendapat arahan secara langsung daripada para Brahman. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kepada peninggalan seni arca yang dijumpai di Lembah Bujang , sebagai contohnya arca yang tidak siap dipahat dan arca Ganesha di Tapak 4 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang) dan arca Buddha di Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang). Kedua arca Ganesha berkenaan adalah merupakan anak kepada dewa Siwa (merupakan dewa tertinggi di dalam ajaran Hindu). Sehubungan dengan hal tersebut biasanya arca Ganesha seharusnya dihasilkan dengan halus walau menggunakan apa material sekalipun. Bahkan arca Ganesha di Tapak 4 yang kasar pahatannya dan sebuah arca Ganesha yang tidak siap dipahat (lokasi tidak diketahui) hanya separuh disiapkan. Tambahan lagi terdapat kesilapan besar pada arca Ganesha yang tidak siap dipahat (lokasi tidak diketahui) di mana bahagian belalai arca ini seharusnya mengarah ke kiri dan bukannya ke kanan. Adalah jelas di sini bahawa sekiranya seseorang pemahat tersebut berkemampuan / mahir pasti kesalahan sedemikian tidak timbul. Oleh yang demikian penulis beranggapan arca ini bukan buatan seseorang yang mahir dalam memahat arca Ganesha (keagamaan).

Pada keseluruhannya jika ditinjau berdasarkan kepada bahan binaan candi yang dijumpai di Lembah Bujang dapat dibahagikan kepada 4 kategori iaitu bahan binaan daripada batu-bata, bahan binaan daripada batu sungai, bahan binaan daripada (batu) mineral laterit dan batu granit. Secara keseluruhannya batuan bahan material candi yang telah ditemui di Lembah Bujang dipahat dengan membentuk persegi empat. Berdasarkan kepada asas pelapik tiang yang turut dijumpai pada tapak candi seperti Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok),

Tapak 11/3 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang) dan Tapak 50 (Kampung Pendiat / Sungai Bujang) dan juga asas pelapik tiang yang ditemui secara berselerakkan di sekitar Lembah Bujang sehingga ke Kampung Rantau Panjang , Seberang Prai Utara membuktikan candi di Lembah Bujang menggunakan tiang sebagai penunjang bahagian atapnya. Hal ini juga telah dibuktikan oleh Dr. Alastair Lamb dengan berpendapat bahagian atap candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) berbentuk tiga tingkat. Pelapik tiang yang ditemui dapat dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu asas pelapik tiang tanpa pola hiasan dan keduanya adalah asas pelapik tiang dengan berhias. Asas pelapik tiang berhias dimaksudkan mempunyai bentuk bertingkat serta dipahat mempunyai hiasan sama ada berbentuk persegi empat, persegi lapan, bulat yang digabungkan menjadi satu. Asas pelapik tiang yang dimaksudkan ini dapat dilihat pada Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil), Tapak 11/3 (Ladang Sungai Batu / Sungai Bujang) dan Tapak 49 (Telaga Sembilan / Sungai Merbok Kecil). Sementara asas pelapik tiang yang tidak mempunyai pola hias dapat dibahagikan kepada lima kategori utama iaitu asas pelapik tiang yang dipahat dengan bentuk persegi empat rendah dengan bahagian permukaannya juga dipahat dengan lubang berbentuk persegi empat, keduanya adalah asas pelapik tiang yang berbentuk persegi empat yang agak tinggi dengan bahagian permukaannya juga dipahat dengan lubang berbentuk persegi empat, ketiga adalah asas pelapik tiang dipahat dengan bentuk persegi empat sama ada tinggi ataupun rendah dengan bahagian permukaannya masih dipahat dengan lubang berbentuk persegi empat sementara pada bahagian dasar daripada lubang yang telah dipahat dibuat lubang bulat yang agak kecil dan ianya diduga sebagai memperkuatkan lagi dasar asas pelapik tiang yang diletakkan didalamnya. Keempat adalah asas pelapik tiang yang dipahat dengan bentuk persegi empat tanpa sebarang pahatan lainnya dan tiang yang diduga daripada kayu diletakkan di atasnya dan kelimanya adalah asas pelapik tiang yang dipahat dengan bentuk bulat sementara pada bahagian tengahnya dipahat dengan lubang berbentuk persegi empat. Asas pelapik tiang yang mempunyai bentuk bulat ini hanya dapat ditemui di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang).

Selain daripada aras pelapik tiang yang telah ditemui, struktur bangunan candi di Lembah Bujang juga diduga telah menggunakan pintu sebagai penutup kepada halaman sakral di mana arca yang paling suci telah diletakkan. Hal ini juga merupakan salah satu daripada ciri seni bina candi di Lembah Bujang yang menjadi pemerhatian penulis. Bendul pintu yang telah ditemui ini juga dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu bendul pintu yang mempunyai satu bahagian lubang dan keduanya adalah bendul pintu yang mempunyai lubang pada kedua-dua hujungnya. Sehubungan dengan bentuk lubang pada bendul pintu berkenaan diduga ianya adalah berperanan sebagai satu pintu dan juga dua pintu. Lubang yang dipahat pada bendul pintu ini berbentuk bulat. Berdasarkan kepada struktur bangunan candi yang telah ditemui di Lembah Bujang bersama dengan aras pelapik tiang serta bendul pintu telah menunjukkan penggunaan kayu serta hubungan masyarakat dengan alam sekitar begitu rapat dan digunakan dengan sepenuhnya. Bahagian kaki candi adalah jelas diperbuat daripada bahan binaan batu sementara daripada bahagian badan sehingga ke bahagian atap candi diperbuat dengan menggunakan kayu dan atap genting. Keadaan ini menunjukkan terdapat pergabungan di antara unsur tempatan dan juga unsur luar (India) di dalam seni bina bangunan candi di Lembah Bujang. Jika ditinjau peninggalan candi yang terdapat di India atau pun di seluruh Asia Tenggara (kecuali di Pulau Bali) bahagian kaki, badan dan atap candi secara keseluruhannya diperbuat daripada bahan binaan batu ataupun batu-bata.

Struktur bangunan candi di Lembah Bujang juga mempunyai unsur yang agak menarik di mana sebahagian daripadanya mempunyai anak tangga untuk menuju ke bahagian *vimana* dan juga *mandapa*. Candi yang mempunyai anak tangga ini adalah Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil), Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang), Tapak 21 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang) dan Tapak 22 (Kampung Pengkalan Bujang / Sungai Bujang). Hampir keseluruhan daripada candi di Lembah Bujang yang mempunyai

anak tangga ini mempunyai jumlah yang agak ganjil iaitu 3 sementara candi yang laluan untuk ke halaman *vimana* juga mempunyai anak tangga dengan jumlah yang agak ganjil iaitu 3. Maksud dibuat anak tangga dengan jumlah yang ganjil (*odd numbers*) bertujuan untuk menyesatkan roh jahat daripada memasuki bangunan candi serta memelihara bangunan candi daripada sebarang gangguan. Jika ditinjau daripada aspek kesucian / sakral halaman sesebuah candi jelas menunjukkan halaman *vimana* adalah bahagian yang suci disebabkan kedudukan halamannya yang lebih tinggi berbanding dengan halaman bahagian *mandapa* yang biasanya lebih rendah.

Candi di Lembah Bujang juga mempunyai *somasutra* yang bertindak sebagai saluran air keluar daripada bangunan candi sewaktu upacara keagamaan seperti menyucikan *lingga* atau bangunan candi dilangsung maka air berkenaan dialirkan keluar daripada bangunan candi melalui *somasutra* ini dan bangunan candi akan terselamat daripada takungan air. Contoh yang paling jelas adalah seperti yang terdapat pada Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil), Tapak 4 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang), Tapak 5 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang) dan juga Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam / Sungai Bujang).

Peninggalan arca yang berhubungan dengan pendirian sesebuah candi adalah arca dewa sendiri. Sejauh ini arca dewa yang telah ditemui di Lembah Bujang yang ada kaitan dengan penyembahannya adalah untuk dewa Siwa dan juga untuk dewa Wisnu. Di antara kedua-dua dewa berkenaan hanya dewa Siwa yang telah diwujudkan dengan perlambangan sebagai *lingga* seperti yang telah ditemui pada tapak 4 dan juga di Tapak 19. Sementara perwujudan dewa Wisnu sebagai dewa juga tidak ditemui secara khusus melainkan di dalam bentuk *vahana* iaitu kurma. Setakat ini belum ditemui sebarang artifak yang ada kaitannya dengan pemujaan terhadap dewa Brahma. Selain daripada arca dewa juga terdapat arca yang berkaitan dengan keagamaan seperti arca Ganesha, arca *dwarapala* dan arca Durga Mahisasuramardhini. Di samping itu terdapat juga artifak yang berkaitan dengan

peranan sesuatu candi iaitu *yoni* yang dipahat daripada bahan granit. Hampir keseluruhan daripada artifak yang telah dinyatakan di atas telah diperbuat daripada batu granit kecuali arca Ganesha yang telah dijumpai di Tapak 19 diperbuat daripada *terracotta*.

Dari segi teknik yang digunakan untuk memahat kesemua arca di atas dipercayai dipahat dengan teknik pahatan ke dalam. Hal ini didasarkan kepada garisan untuk membentuk arca merupakan garisan yang dipahat ke dalam. Jika ditinjau kepada hasil arca yang telah ditemui di sekitar Lembah Bujang ianya diduga telah dipahat oleh masyarakat tempatan. Andaian ini didasarkan oleh penulis terhadap pemerhatian hasil seni arca yang telah dihasilkan di mana kebanyakannya tidak menepati seni yang begitu halus bahkan terdapat juga beberapa artifak yang diduga salah teknik pembuatannya sehingga tidak diselesaikan, contoh yang paling ketara adalah pada arca yang tidak siap dipahat yang telah ditemui di Tapak 4 (Estet Sungai Batu / Sungai Bujang). Selain daripada arca, asas pelapik tiang juga jelas menunjukkan bagaimana sesebuah candi yang dibina di Lembah Bujang menepati ciri pembinaan rumah masyarakat Melayu Kedah yang masih jelas penggunaannya sehingga ke hari ini hanya ruang dan waktu yang berbeza sahaja yang telah membezakan bentuk serta bahan yang digunakan. Asas pelapik tiang yang masih digunakan pada hari ini masih berbentuk persegi empat tetapi materialnya telah diganti dengan menggunakan bahan konkrit. Dalam hal ini adalah jelas menunjukkan bagaimana peranan budaya yang masih wujud di dalam masyarakat Melayu Kedah masih dipertahankan sehingga disesuaikan dengan penggunaan serta budaya daripada India Selatan. Contoh yang telah dinyatakan di atas menunjukkan bagaimana pengaruh daripada luar terutama daripada India Selatan tidak sepenuhnya menolak pengaruh budaya tempatan yang telah wujud di dalam masyarakat tempatan. Bahkan budaya tempatan dapat ditafsirkan sebagai penapis kepada unsur luar yang masuk. Secara tidak langsung di Lembah Bujang proses seperti assimilasi dan akulterasi telah berlangsung di Lembah Bujang. Sehubungan dengan hal tersebut kita dapat kemasukan unsur

daripada India Selatan tidak ditentang dengan keras oleh masyarakat setempat tetapi telah diterima dengan aman.

Berdasarkan kepada apa yang telah dipaparkan di atas, penulis berpendapat bahawa kita tidak boleh menghurai kedatangan pengaruh dari India ke Lembah Bujang sebagai satu proses Indianisasi kerana telah kelihatan beberapa ciri tempatan dan penyesuaian di antara kedua unsur budaya terutamanya di dalam aspek pembuatan struktur bangunan candi. Lagi pun, apa yang dapat dikesan di Lembah Bujang pada hari ini adalah hanya berdasarkan peninggalan-peninggalan berunsur keagamaan dari India, ini termasuklah inskripsi-inskripsi batu yang pernah dijumpai. Kesemua inskripsi ini adalah berkaitan / ataupun mengandungi ucapan-ucapan agama Buddha. Selain daripada aspek keagamaan, aspek lainnya seperti sistem kerajaan (pemerintahan), organisasi sosial, pola ekonomi serta aspek kebudayaan tempatan belum diketahui lagi. Pada hemat penulis pengaruh India yang diperkenalkan di Lembah Bujang hanya terdapat di bidang keagamaan sahaja. Pengaruh ini dibawa masuk oleh pedagang-pedagang India serta melalui konteks atau perhubungan perdagangan di antara Lembah Bujang dengan tempat lainnya di Asia Tenggara, terutamanya dengan Sumatera dan Jawa. Penulis berpendapat ianya mempunyai perkaitan berdasarkan penempatan kebanyakan daripada candi di Lembah Bujang didirikan pada kawasan berhampiran dengan sungai seperti Sungai Bujang di mana terdapat candi Tapak 19, 21 dan 22, berhampiran dengan Sungai Batu dan Sungai Bujang terdapat beberapa tapak candi seperti Tapak 11/3 dan juga Tapak 5 dan berhampiran dengan Sungai Merbok Kecil terdapat beberapa tapak seperti Tapak 8 (dan Tapak 8a yang baru dimulai galicari pada pertengahan 1997). Apabila perkembangan penempatan telah wujud dengan meluas sudah pasti kegiatan keagamaan akan turut sama berkembang termasuklah pusat untuk beribadah dan dalam hal ini telah didirikan bangunan candi. Penulis berpendapat perkembangan keagamaan Hindu-Buddha di Lembah Bujang adalah dikembangkan oleh para Brahman yang datang bersama-sama dengan golongan pedagang. Golongan Brahman inilah yang diduga oleh penulis

memainkan peranan di dalam memberikan arahan serta kehendak yang perlu ada pada sesebuah arca yang menurut pendapat penulis dibuat oleh masyarakat tempatan berdasarkan kepada hasil pahatannya yang agak kasar seperti pemahat yang pertama kali melakukannya. Oleh yang demikian penulis berpendapat walaupun zaman tersebut dikenali sebagai zaman Hindu-Buddha di Lembah Bujang tetapi pengaruh India yang masuk ke Lembah Bujang (Kedah Tua) adalah terhad, umpamanya tiada sebarang bukti adanya amalan *Dewaraja* seperti yang terdapat di Jawa Timur dan Kemboja .

Beberapa sarjana lama pernah mempertikaikan sama ada candi-candi, arca dan artifak yang berkaitan dengan pemujaan dan ajaran Hindu-Buddha di candi Lembah Bujang lebih merupakan tiruan secara langsung dari India Selatan. Quaritch-Wales, merupakan salah seorang sarjana yang membuat andaian begini, manakala Alastair Lamb berpendapat bahawa ciri-ciri tempatan dapat dikesan di candi-candi di Lembah Bujang dan kemungkinan berlaku percampuran ciri-ciri pemujaan terhadap nenek moyang. Sebagai contoh pada Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) beliau beranggapan merupakan sebuah candi untuk ajaran Tantrik. Kajian penulis di dalam Bab 4, Bab 5 dan Bab 6 menunjukkan bahawa kebanyakannya peninggalan arkeologi seperti *somasutra*, *yoni*, *lingga*, relikuari serta seni arca yang dijumpai di Lembah Bujang mempunyai persamaan dengan candi-candi Hindu baru yang telah dikaji oleh penulis. Candi-candi baru ini telah didirikan mengikut *prototype* seperti di India. Sekiranya diperhatikan kepada perkembangan kuil baru berdasarkan kepada survei yang telah dilakukan oleh penulis di sekitar Lembah Bujang terhadap kuil Hindu yang berusia di antara 80 hingga 100 tahun didapati masih mempunyai beberapa persamaan dengan candi yang telah wujud di Lembah Bujang semenjak daripada abad ke 9 hingga abad ke 14 M. Perbezaan yang wujud adalah dari segi perkembangan seni arca yang mengikut perkembangan waktu sebagai contohnya pada halaman tengah *vimana* diletakkan arca Mariamman dengan arca pengawal pintu dikenali sebagai Durgasakhti ataupun Durgabalagam. Satu hal yang masih perlu diperhatikan adalah peranan Palipedem yang diletakkan arca *lingga* dengan

dipasangkan dengan vahana dewa seperti singa ataupun *akhu*. Hal tersebut bagi pendapat penulis ada kaitannya dengan artifak yang kini berada di dalam simpanan Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang mana ianya mempunyai dua lubang yang seakan untuk meletakkan arca di atasnya sementara pada saluran yang terdapat pada bahagian sisinya diduga berperanan sebagai saluran yang ada kaitan dengan upacara keagamaan yang dilangsungkan. Pembahagian *vimana* dan juga *mandapa* masih lagi terdapat pada kuil baru yang disurvei dan peranannya masih sama di mana bahagian *vimana* adalah halaman yang menempatkan arca yang menjadi objek penyembahan dan juga halaman yang paling suci sementara halaman *mandapa* merupakan halaman sebagai persediaan sebelum upacara keagamaan dilakukan.

Persamaan yang dapat dilihat di antara perkembangan candi Hindu kuno dan kuil / candi Hindu baru telah membolehkan penulis membuat kesimpulan bahawa sebenarnya kebanyakan candi kuno walaupun telah dibina dengan menggunakan bahan-bahan tempatan berperanan sebagai kuil sepertimana yang dapat diperhatikan pada candi-candi baru yang telah dikaji oleh penulis. Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) adalah merupakan sebuah candi apit dan pemujaan yang terdapat di sana berdasarkan pendapat penulis bukan berunsur tantrik tetapi lebih kepada pemujaan *sakhti* dan Siwa. Pendapat penulis berhubung kenyataan yang menganggap Candi Tapak 8 (Candi Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) terdapat candi apit adalah berdasarkan hasil galicari yang telah dilaksanakan pada bulan Jun 1997 (kerja-kerja galicari masih dilakukan) telah menemukan struktur bangunan candi daripada batu sungai yang disusun memanjang dan diduga sebagai asas atau *foundation* candi. Tapak ini berada sekitar 100 m sebelah kanan Candi Tapak 8. Tapak ini diberi nama Tapak 8a sementara sebuah tapak candi lagi yang telah ditemui mempunyai susunan batu-bata disusun secara bertingkat dan berada sekitar 200 m dari sebelah kiri Candi Tapak 8 (Candi Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) . Tapak ini akan dilakukan galicari pada pertengahan tahun 1998. Tapak ini bakal dinamai dengan nama Tapak 8b.

Penemuan Candi Tapak 8 a dan Candi Tapak 8 b di sebelah kiri dan kanan Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) telah membuktikan kepada kita bahawa terdapat sebuah kompleks Hindu yang besar terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga buah candi. Keadaan ini menunjukkan dengan jelas kepada kita bahawa Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat / Sungai Merbok Kecil) bukanlah sebuah candi sederhana atau candi kecil yang biasanya dijumpai di Lembah Bujang. Dengan jumpaan ini dapatlah kita menafikan pendapat Michel Jacq-Hergoualc'h yang berpendapat bahawa di Lembah Bujang cuma terdapat candi-candi yang kecil dan pembinaannya amat sederhana. Penulis juga berpendapat candi dan arca yang terdapat di Lembah Bujang hasil daripada pembahasan di atas jelas menunjukkan bahawa ianya telah dibuat oleh masyarakat tempatan dengan arahan dan kehendak daripada para Brahman. Sehubungan dengan hal tersebut juga usaha yang melibatkan kegiatan survei dan galicari arkeologi secara berterusan adalah difikirkan perlu oleh penulis untuk dilaksanakan secara berterusan agar persoalan dan kekaburuan berhubung sejarah, kebudayaan dan tamadun Lembah Bujang dapat disingkap sedikit demi sedikit.